

**PENGUASAAN KEMAHIRAN MENDENGAR BAHASA ARAB  
DALAM KALANGAN PELAJAR MENENGAH AGAMA**

**NIK MAHFUZH BINTI NIK MAT**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2013**

**PENGUASAAN KEMAHIRAN MENDENGAR BAHASA ARAB  
DALAM KALANGAN PELAJAR MENENGAH AGAMA**

**NIK MAHFUZH BINTI NIK MAT**

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2013**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **Nik Mahfuzah Binti Nik Mat**

(No. K.P/Pasport: **860802-29-6174** )

No. Pendaftaran/Matrik: **TGA090037**

Nama Ijazah: **Sarjana Pengajian Bahasa Moden**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**Penguasaan Kemahiran Mendengar Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Menengah Agama**

Bidang Penyelidikan: **Linguistik Terapan**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh : 17 Julai 2013

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh : 17 Julai 2013

Nama: Dr. Ahmad Fikri bin Haji Husin

Jawatan: Penyelia

## **ABSTRAK**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan pelajar menengah agama. Kajian ini dilakukan ke atas seramai lapan puluh orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan tiga di Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini (Ma'ahad SAS), Jengka. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif diskriptif. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data-data adalah borang soal selidik yang mengandungi maklumat latar belakang responden dan strategi pembelajaran kemahiran mendengar serta satu set ujian kemahiran mendengar bahasa Arab. Ada pun, set ujian kemahiran mendengar digubal berdasarkan lima daripada aras-aras Taksonomi Bloom. Data-data kajian yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 11.5. Dapatan menunjukkan, penguasaan keseluruhan responden dalam kemahiran mendengar bahasa Arab adalah pada tahap penguasaan yang sederhana dan tahap pencapaian responden perempuan lebih tinggi berbanding responden lelaki. Aras aplikasi dan aras pengetahuan adalah aras yang mencatatkan skor min yang paling tinggi. Ada pun, aras pemahaman dan aras sintesis adalah aras yang mencatatkan skor min paling rendah. Manakala, kekerapan kalangan responden dalam penggunaan strategi penguasaan bahasa Arab adalah tinggi dan responden yang mempunyai tahap penguasaan yang cemerlang tidak mempunyai masalah untuk mempraktikkan strategi penguasaan kemahiran mendengar yang terdapat dalam kedua-dua kategori. Manakala, responden yang sederhana lebih cenderung kepada kategori sosial dan bagi responden yang lemah pula, mereka kurang mengamalkan strategi-strategi ini. Antara implikasi kajian ini ialah, kemahiran mendengar perlu diwujudkan dalam sistem pembelajaran yang formal. Di samping, para pelajar perlu berusaha mempraktikkan pelbagai kaedah dan strategi yang dapat membantu memperkasakan dan meningkatkan kemahiran mendengar bahasa Arab mereka.

## **ABSTRACT**

The main purpose of this study is to examine Arabic listening mastery skills among religious secondary school students. The study was conducted to eighty Form Three students of Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini (Ma'ahad SAS) in Jengka. This research employed a descriptive quantitative research design. The instruments used to collect data were a survey of respondents' background and their strategies used in learning listening skills and a set of test for Arabic listening skills. The listening test paper was constructed based on five levels of the Bloom's Taxonomy. Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 11.5 was used to analyze the findings of the study. The findings revealed that the respondents' overall mastery in Arabic listening skills was at the moderate level and the female respondents showed higher performance compared to the male respondents. The respondents scored the highest mean scores in the application and knowledge levels of the Bloom's Taxonomy. In contrast, the comprehension and synthesis levels were recorded as the lowest mean scores by the respondents. The frequency of Arabic listening mastery strategies used were high and the respondents who have good mastery in listening did not have any problems to apply the listening skills mastery strategies in both categories. Meanwhile, the average respondents tend to be in the social category and the poor respondents did not apply the strategies. The implication of this study is listening skills should be taught in a formal learning system. Other than that, students need to apply various methods and strategies to help them boost and increase their Arabic listening skills.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, lafaz syukur yang tidak terhingga kehadiran Ilahi, dengan limpah kurniaanNya serta keizinanNya, penulisan kajian ini dapat disempurnakan akhirnya. Pertama sekali, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia penulis iaitu Dr. Ahmad Fikri bin Haji Husin yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar dalam proses menyiapkan penulisan disertasi ini.

Tidak dilupakan juga kepada pensyarah-pensyarah bahasa Arab di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya, yang tidak lekang mencurahkan idea-idea yang membina dan bersesuaian dengan tema kajian penulis. Penulis juga, mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengetua, guru-guru serta pelajar-pelajar di Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini, Jengka yang memberi ruang dan kerjasama kepada penulis sepanjang proses pemungutan data kajian yang diperlukan. Tidak dilupakan juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang sudi menghulurkan bimbingan serta bantuan yang diperlukan.

Akhir sekali, penulis amat menghargai dan berterima kasih kepada ayahanda, ibunda serta ahli keluarga yang banyak berkorban dari segi material serta memberikan kata-kata sokongan dan dorongan yang membantu penulis bersemangat dalam usaha menyiapkan penulisan ini. Apa yang termampu penulis lakukan hanya berdoa kepada Allah SWT supaya memberi kebahagiaan dunia akhirat serta membalas jasa-jasa kalian semua dengan sebaik-baik ganjaran. Amin....

## KANDUNGAN

### TAJUK

### MUKA SURAT

<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTARCT</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI CARTA</b>	xiv
<b>SISTEM TRANSLITERASI</b>	xv

### BAB I PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.2	Penyataan masalah	2
1.3	Kepentingan kajian	4
1.4	Objektif kajian	4
1.5	Persoalan kajian	5
1.6	Definisi operasional	6 - 7
	1.6.1 Penguasaan	
	1.6.2 Kemahiran mendengar	
	1.6.3 Bahasa Arab	
	1.6.4 Sekolah menengah agama	
1.7	Batasan kajian	7
1.8	Rangka kajian	8 - 9
	1.8.1 Bab pertama : Pengenalan	
	1.8.2 Bab kedua : Kajian literatur	
	1.8.3 Bab ketiga : Metodologi kajian	

1.8.4	Bab keempat : Analisis data	
1.8.5	Bab kelima : Rumusan dan cadangan	
1.9	Penutup	9
 <b>BAB II KAJIAN LITERATUR</b>		
2.0	Pengenalan	10
2.1	Bahasa kedua dan bahasa asing	10
2.2	Konsep kemahiran mendengar	13
2.3	Kepentingan kemahiran mendengar	14
2.4	Proses kemahiran mendengar	16
2.5	Strategi pembelajaran kemahiran mendengar	19
2.6	Kajian-kajian berkaitan kemahiran mendengar	24
2.7	Taksonomi Bloom	29 - 35
2.7.1	Pengetahuan	
2.7.2	Pemahaman	
2.7.3	Aplikasi	
2.7.4	Analisis	
2.7.5	Sintesis	
2.7.6	Penilaian	
2.8	Penutup	36
 <b>BAB III METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.0	Pengenalan	37
3.1	Reka bentuk kajian	37
3.2	Responden kajian	37 - 40
3.2.1	Latar belakang sekolah	
3.3	Kaedah pengumpulan data	40



3.4	Instrumen kajian	40 - 48
3.4.1	Soal selidik	
3.4.2	Ujian kemahiran mendengar bahasa Arab	
3.5	Kaedah menganalisis data	48
3.6	Rangka konseptual kajian	50
3.7	Prosedur kajian	51
3.8	Penutup	53

## **BAB 1V ANALISIS DATA**

4.0	Pengenalan	54
4.1	Soal selidik	55 - 63
4.1.1	Latar belakang responden	
4.1.1.1	Maklumat diri	
4.1.1.2	Maklumat pembelajaran bahasa Arab	
4.2	Penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab	64
4.2.1	Tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab	66
4.2.2	Penguasaan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab.	68 - 80
4.2.2.1	Penguasaan aras pengetahuan	
4.2.2.2	Penguasaan aras pemahaman	
4.2.2.3	Penguasaan aras aplikasi	
4.2.2.4	Penguasaan aras analisis	
4.2.2.5	Penguasaan aras sintesis	
4.3	Jumlah responden dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.	80 - 86
4.3.1	Kategori sendiri	
4.3.2	Kategori sosial	
4.3.3	Perbandingan di antara kategori sendiri dan kategori sosial	

4.4	Jumlah responden yang berbeza tahap penguasaan kemahiran mendengar dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab	87 – 91
4.4.1	Kategori sendiri	
4.4.2	Kategori sosial	
4.5	Jumlah responden mengikut tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam penggunaan keseluruhan strategi penguasaan kemahiran mendengar	91
4.6	Penutup	94

## **BAB V RUMSAN DAN CADANGAN**

5.0	Pengenalan	95
5.1	Rumusan kajian	95 – 104
5.1.1	Latar belakang responden	
5.1.2	Penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar	
5.1.3	Penggunaan strategi kemahiran mendengar mengikut tahap penguasaan	
5.2	Implikasi kajian	104
5.3	Cadangan	105 – 107
5.3.1	Sekolah	
5.3.2	Guru	
5.3.3	Pelajar	
5.3.4	Pengkaji-pengkaji lain	
5.4	Penutup	108

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN A**

## **LAMPIRAN B**

## **LAMPIRAN C**

## **SENARAI SINGKATAN**

Ma'ahad SAS	: Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini.
UiTM	: Universiti Teknologi Mara.
SMAJP	: Sekolah Menengah Agama Jenaka Pusat.
LKWJ	: Lembaga Kemajuan Wilayah Jenaka.
PIBG	: Persatuan Ibu bapa dan Guru.
SILL	: Strategy Inventory for Language Learning.
KBSM	: Komunikasi Kemahiran Bersepadu Sekolah Menengah.
KPM	: Kementerian Pelajaran Malaysia.
SPSS	: Statistical Packages For Social Science.
UPSR	: Ujian Penilaian Sekolah Rendah.
PMR	: Peperiksaan Menengah Rendah.
SPM	: Sijil Penilaian Menengah.
EFL	: English as a Foreign Language.

## **SENARAI JADUAL**

- Jadual 2.1 : Pembaharuan Taksonomi Bloom oleh Anderson dan Krathwol
- Jadual 3.1 : Item-item strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.
- Jadual 3.1.1 : Pembahagian item strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.
- Jadual 3.1.2 : Skala likert untuk strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab
- Jadual 3.1.3 : Interpretasi skor min tahap penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.
- Jadual 3.1.4 : Markah, gred dan pembahagian tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.
- Jadual 4.1 : Taburan kekerapan dan beratusan untuk jantina, umur dan bahasa pertuturan di rumah responden.
- Jadual 4.1.1 : Taburan kekerapan dan peratusan tempat tinggal responden.
- Jadual 4.1.2 : Taburan kekerapan dan peratusan taraf pendidikan bapa responden.
- Jadual 4.1.3 : Taburan kekerapan dan peratusan taraf pendidikan ibu responden.
- Jadual 4.1.4 : Taburan kekerapan dan peratusan pendapatan keluarga responden.
- Jadual 4.1.5 : Taburan kekerapan dan peratusan minat mempelajari bahasa Arab dalam kalangan responden.
- Jadual 4.1.6 : Taburan kekerapan dan peratusan sebab mempelajari bahasa Arab dalam kalangan responden.
- Jadual 4.1.7 : Taburan kekerapan dan peratusan tempoh mempelajari bahasa Arab dalam kalangan responden.
- Jadual 4.1.8 : Skor markah, jumlah dan peratusan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab.
- Jadual 4.1.9 : Tahap penguasaan, jumlah dan peratusan kemahiran mendengar bahasa Arab

- Jadual 4.2 : Skor min dan sisihan piawai aras soalan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab.
- Jadual 4.2.1 : Huruf-huruf bahasa Arab yang tidak boleh dibezakan oleh responden kajian.
- Jadual 4.2.2 : Huruf-huruf bahasa Arab yang boleh dibezakan oleh responden kajian.
- Jadual 4.2.3 : Taburan jumlah dan peratusan responden dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar untuk kataegori sendiri.
- Jadual 4.2.4 : Taburan jumlah dan peratusan penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar untuk kataegori sosial.
- Jadual 4.2.5 : Skor min dan sisihan piawai strategi penguasaan kemahiran mendengar dalam kalangan responden.
- Jadual 4.2.6 : Tahap penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar dalam kalangan responden.
- Jadual 4.2.7 : Jumlah responden mengikut tahap penguasaan kemahiran mendengar dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar kategori sendiri.
- Jadual 4.2.8 : Jumlah responden mengikut tahap penguasaan kemahiran mendengar dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar kategori sosial .
- Jadual 4.2.9 : Jumlah responden mengikut tahap penguasaan kemahiran mendengar dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar.

## **SENARAI RAJAH**

- Rajah 2.1 : Aras – aras domain kognitif.
- Rajah 3.1 : Rangka konseptual kajian penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.
- Rajah 4.1 : Taburan kekerapan tempat tinggal responden
- Rajah 4.1.1 : Taburan kekerapan taraf pendidikan bapa responden.
- Rajah 4.1.2 : Taburan kekerapan taraf pendidikan ibu responden.
- Rajah 4.1.3 : Taburan kekerapan pendapatan keluarga responden.
- Rajah 4.1.4 : Taburan kekerapan gred ujian kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan responden.
- Rajah 4.1.5 : Tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab responden lelaki dan perempuan.
- Rajah 4.1.6 : Taburan skor kekerapan untuk aras pengetahuan.
- Rajah 4.1.7 : Taburan skor kekerapan untuk aras kefahaman.
- Rajah 4.1.8 : Taburan skor kekerapan untuk aras aplikasi.
- Rajah 4.1.9 : Taburan skor kekerapan untuk aras analisis.
- Rajah 4.2 : Taburan skor kekerapan untuk aras sintesis.

## **SENARAI CARTA**

Carta 4.1 : Taburan kekerapan pendapatan keluarga responden.

Carta 4.1.1 : Taburan kekerapan minat mempelajari bahasa Arab dalam kalangan responden.

Carta 4.1.2 : Taburan kekerapan sebab mempelajari bahasa Arab dalam kalangan responden.

## SISTEM TRANSLITERASI

### a) Sistem Tulisan Rumi untuk Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	Transliterasi
ا	a	حَالُكَ	hāluk
ب	b	الْمَطْبَخ	al-mat <b>ḡ</b> akh
ت	t	وَالِدَتِي	wālidatī
ث	<u>th</u>	ثُمَّ	<b>ṭ</b> hum
ج	j	الْجِدَار	al-jidār
ح	<u>h</u>	مُحَمَّد	mu <b>ḥ</b> ammad
خ	<u>kh</u>	دَخَلَ	da <b>ḡ</b> hol
د	d	الْمُدَرِّس	al-mudarris
ز	z	زَارَ	<b>z</b> ār
ر	r	يَرْعَى	yar‘ā
ذ	<u>dh</u>	الَّذِي	al-lad <b>ḡ</b> i
س	s	إِسْم	ism
ش	<u>sh</u>	عَشْرَ	‘a <b>ṣ</b> yar
ص	<u>s</u>	صَدِيقِي	<b>s</b> adīqī
ض	<u>d</u>	تَفَضَّلْ	tafa <b>d</b> al
ط	<u>t</u>	الطُّلَاب	at- <b>t</b> ullāb
ظ	<u>z</u>	الْمُوظَّفَات	al-muwaza <b>z</b> afāt
ع	‘	مَفْعُول	maf‘ūl
غ	<u>gh</u>	غَنَمًا	<b>gh</b> anaman
ف	f	فِي	fī
ق	q	الَلِّقَاء	al-li <b>q</b> a’
ك	k	كَيْفَ	kaif
ل	l	الْفَضْل	al-fa <b>ṣ</b> l
م	m	الْمَوْسُول	al-maw <b>s</b> ūl
ن	n	غَنَمًا	<b>gh</b> anaman
و	w	وَإِلَى	wailā
ه	h	أَهْلًا	ahlan
ء	’	سَأَلَ	sa’ala



ي	y	يُعَلِّق	yu‘alliq
ة	tt	سَبْعَة	sab‘att

b) Sistem Tulisan Rumi untuk Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	Transliterasi
َ (fathatt)	a	الْمَطْبَخ	al-maṭbakh
ِ (kasratt)	i	وَالِدَتِي	wālidatī
ُ (dammatt)	u	حَالُكَ	hālūk

c) Sistem Tulisan Rumi untuk Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	Transliterasi
آ / ا	ā	يَا	yā
ي	ī	صَدِيقِي	ṣadiqī
و	ū	الْمَوْضُول	al-mawsūl

Sumber rujukan daripada buku “*Taujih at-thāniyatt fī al-‘arabiyyatt al-itsāliyyatt*”, (Burhanuddin Wahab, et al.:2006).

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan.**

Secara umumnya, terdapat empat kemahiran dalam mempelajari bahasa iaitu, mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran mendengar disenaraikan pada kedudukan yang terawal daripada tiga kemahiran yang lain kerana ianya selalu digunakan dan bukannya disebabkan kerana kemahiran tersebut adalah proses semulajadi yang berlaku ketika pemerolehan bahasa pertama. Disamping itu juga, Lui (2008:25) berpendapat, kemahiran mendengar adalah paling penting berbanding kemahiran-kemahiran lain kerana kemahiran mendengar merupakan cara asas untuk mendapat input daripada sesuatu bahasa asing yang dipelajari.

Kemahiran mendengar juga sering dianggap sebagai aktiviti yang pasif. Ini kerana, kemahiran mendengar diklasifikasikan sebagai satu kemahiran penerimaan dan bukannya pengeluaran seperti bertutur. Tetapi pada hakikatnya, kemahiran mendengar adalah merupakan proses aktif di mana pendengar harus membezakan bunyi, memahami perkataan, tatabahasa, menginterpretasikan intonasi dan penggunaan prosodi lain serta menyimpan maklumat lama untuk mentafsirkannya dalam konteks atau sesuatu keadaan yang berlangsung (R. Holden, 2004:257).

Kajian-kajian yang telah dilakukan menggambarkan bahawa penguasaan lisan yang baik, sama ada daripada aspek kemahiran mendengar atau bertutur akan menjadi asas perkembangan kemahiran-kemahiran lain seperti membaca dan menulis (Burker, 1974 dlm Kamarudin, 1998:11). Misalnya, seseorang pelajar tidak mempunyai kemahiran mendengar

yang baik. Kemungkinan pelajar tersebut, tidak dapat membezakan bunyi-bunyi bahasa yang didengar dan dengan itu pelajar tersebut tidak dapat membaca dan menulis dengan lebih tepat serta baik.

### **1.1 Penyataan Masalah.**

Kemahiran mendengar merupakan kemahiran yang paling penting. Ini kerana, pada peringkat permulaan pembelajaran bahasa seseorang pelajar akan banyak melakukan aktiviti mendengar. Hal ini bertambah penting pada zaman moden ini yang amat maju dari segi teknologi, iaitu dengan meluasnya pengaruh alat pandang-dengar seperti televisyen, radio dan video. Tidak dapat dinafikan juga, dengan kepesatan teknologi tersebut, sebarang maklumat dapat diperolehi dengan pantas melalui pendengaran berbanding dengan membaca .

Namun begitu, kemahiran mendengar sering diabaikan dalam pengajaran bahasa kerana kemahiran tersebut dianggap sebagai kemahiran yang dapat dikuasai secara semulajadi dan spontan dengan kemahiran-kemahiran lain. Malah, hal yang sama berlaku juga lebih kurang dua setengah dekad yang lalu dalam bahasa Inggeris apabila tumpuan hanya diberikan kepada kemahiran menulis dan membaca (Jeneri Amir, 1988:195). Tambahan pula, ada banyak pendapat yang mengatakan kemahiran mendengar adalah lebih mudah berbanding dengan kemahiran-kemahiran lain. Fenomena seumpama ini sebenarnya, boleh menyebabkan pelajar-pelajar tidak menyedari kepentingan kemahiran mendengar kepada mereka. Kesannya, pelajar-pelajar tidak begitu berkeyakinan untuk berinteraksi dalam bahasa asing sesama mereka, mahupun dengan guru mereka.

Walau bagaimanapun, bagi pembelajaran bahasa Arab di Malaysia sekiranya diteliti pada kandungan di dalam sukatan buku-buku teks bahasa Arab komunikasi bagi peringkat menengah rendah, sebahagian besar kandungan yang ditetapkan adalah banyak dikaitkan dengan kemahiran mendengar (dlm Mohammad, Mohd Afifi, Rusli & Hasmadi 2007; Mohd Nasruddin, Mohd Zawawi & Aishah 2008; Irma Martini, Khairil Anuar & Wan Ummu Suraya 2009). Dasar yang ditetapkan ini bukan sahaja membiasakan para pelajar mendengar perkataan-perkataan Arab dengan bunyi huruf yang betul, bahkan dapat memberi penekanan dalam penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dari aspek kefahaman secara perkataan, konseptual dan ayat.

Rentetean daripada itu, isu mengenai pelajar sentiasa melakukan kesilapan dalam pembelajaran bahasa Arab adalah kerana tiada penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab yang baik. Keadaan ini dapat diperhatikan, apabila ramai di kalangan pelajar sering terkeliru mengenai bunyi sebutan huruf dalam leksis-leksis bahasa Arab khususnya bagi sebutan huruf yang hampir sama. Sebagai contoh, perkataan bahasa Arab [قلب] (*qalbun*) memberi erti makna ‘hati’, tetapi sekiranya makhraj [ق] tersilap sebut dengan makhraj [ك] maka, sebutannya akan menjadi [كلب] (*kalbun*). Ia secara tidak langsung, menukarkan makna kepada makna yang lain iaitu makna ‘anjing’ (Nik Mohd Rahimi, Harun & Zamri, 2010:41). Oleh itu, timbul persoalan di sini bagaimanakah cara untuk meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab pelajar ?

Vandergrift (1997) berpendapat, membuat pengujian terhadap kemahiran mendengar sebenarnya dapat membantu dan memantapkan dalam kemahiran mendengar sekaligus, memberi idea-idea baru serta teori-teori yang solid untuk diamalkan dalam pembelajaran kelas (dlm Bella, 2007:95). Di samping itu, tahap kefahaman pelajar terhadap sesuatu

pembelajaran yang dipelajari juga dapat dicapai (Mohamad & Mohd Zuhir, 2006:104). Memandangkan, kemahiran mendengar adalah salah satu kemahiran yang amat penting bagi pelajar dan kurang diberikan keutamaan dalam pengajaran dan pengujian (Abdul Aziz, 1996:38) maka, pengkaji merasakan permasalahan atau isu ini perlu dikaji, khususnya dalam melibatkan penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

## **1.2 Kepentingan Kajian.**

Apabila sebuah kajian membincangkan tentang sesuatu isu pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing, semestinya kajian tersebut memberi kepentingan kepada dua golongan yang utama iaitu guru dan pelajar. Melalui kajian ini, pengkaji percaya bahawa guru bahasa Arab memperolehi panduan untuk memcorak langkah-langkah yang membina agar pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab tidak dipinggirkan dalam arus globalisasi masa kini yang memartabatkan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Manakala pelajar-pelajar pula boleh bertanggungjawab dan mengambil daya inisiatif mempelajari kemahiran mendengar bahasa Arab dengan belajar sendiri atau melakukan kolaborasi bersama rakan-rakan dan menggunakan sumber-sumber pembelajaran yang lain. Disamping itu juga, melalui bahan-bahan dan maklumat yang diguna-pakai oleh pengkaji dalam kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai bentuk-bentuk strategi penguasaan kemahiran mendengar untuk dipraktikkan oleh pelajar-pelajar.

## **1.3 Objektif Kajian**

Pengkaji telah menggariskan tiga objektif khusus untuk penyelidikan ini iaitu;

- i. Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan pelajar tingkatan tiga di Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini.
- ii. Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab pelajar lelaki dan pelajar perempuan.
- iii. Mengenal pasti jumlah pelajar dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.
- iv. Melihat jumlah pelajar yang berbeza tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berikut adalah merupakan persoalan kajian yang berkaitan dengan kajian ini;

- i. Apakah tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan pelajar tingkatan tiga di Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini (Ma'ahad SAS) ?
- ii. Apakah tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab pelajar lelaki dan pelajar perempuan ?
- iii. Berapakah jumlah pelajar dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab?

- iv. Berapakah jumlah pelajar yang berbeza tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab ?

### **1.5 Definisi Operisional.**

Beberapa definisi di bawah diperjelaskan untuk memberi pemahaman serta disesuaikan dengan konsep kajian ini :

#### **1.5.1 Penguasaan.**

Valdes and Figueroa (1994:34) mendefinisikan penguasaan sebagai keupayaan serta kebolehan seseorang individu dalam sesuatu bahasa sasaran merangkumi aspek perkataan, ayat, penggunaan tatabahasa yang betul serta aspek-aspek pelbagai komponen bahasa yang lain.

#### **1.5.2 Kemahiran Mendengar.**

Kemahiran mendengar adalah salah satu daripada empat kemahiran dalam mempelajari sesuatu bahasa. Kemahiran ini, melibatkan empat aktiviti yang saling berkaitan iaitu aktiviti mengesan, mentafsir, menilai dan memberi maklum balas (dlm Rhodes, Steven, 1987:36).

#### **1.5.3 Bahasa Arab.**

Bahasa Arab adalah salah satu daripada cabang bahasa *Samiah* yang berasal dari keturunan nabi Nuh AS (Anwar al-Jundi, 1982: 22). Walau bagaimanapun, bahasa Arab yang menjadi bahasa al-Quran masih kekal hingga kini berbanding dengan sebahagian cabang-cabang bahasa *Samiah* lain yang telah hilang ditelan zaman. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu seawal kurun ke tujuh telah menjadikan bahasa Arab bertapak di Malaysia. Bahasa Arab

juga telah dipraktikkan dalam bidang pendidikan di Malaysia yang mana, dua tujuan utamanya adalah menguasai bahasa Arab itu sendiri atau memahami serta mengamalkan ajaran agama Islam (Ahmad Nasution, 2002:43).

#### **1.5.4 Sekolah Menengah Agama.**

Sekolah menengah agama di dalam kajian ini adalah merujuk kepada sekolah agama yang ditakbir dan dikelolakan di bawah bidang kuasa kerajaan sesebuah negeri di peringkat menengah (Zainul Rijal & Rosni, 2007:61). Subjek – subjek teras adalah mengikut apa yang telah ditetapkan oleh kementerian pelajaran Malaysia dan sekolah agama ini juga mempunyai penambahan subjek-subjek lain yang berkaitan dengan bahasa Arab. Kesemua subjek bahasa Arab ini diambil daripada silibus-silibus yang dipelajari di Universiti Azhar, Mesir. Walaubagaimana pun, silibus-silibus tersebut diubah suai dan diringkaskan mengikut peringkat pembelajaran pelajar.

#### **1.6 Batasan Kajian.**

Kajian ini adalah untuk mengkaji tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kemahiran mendengar bahasa Arab menjadi fokus utama, kerana kajian seumpama ini jarang dikaji terutamanya dalam bidang pembelajaran bahasa Arab. Sebuah sekolah Agama Negeri Pahang di daerah Jengka iaitu Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini (Ma'ahad SAS) menjadi lokasi pilihan untuk kajian ini. Ini kerana, sekolah Agama tersebut adalah satu-satunya sekolah Agama yang terdapat di daerah Jengka, mempunyai bilangan pelajar yang ramai dan meliputi semua peringkat prestasi samada cemerlang, sederhana mahupun lemah. Responden utama dalam kajian ini ialah 80 pelajar tingkatan tiga. Kajian yang menguji tahap kemampuan pelajar dalam kemahiran mendengar bahasa Arab pada peringkat ini sangat sesuai kerana, para pelajar sememangnya



telah terdedah dengan pendidikan serta pengetahuan berkenaan bahasa Arab selama dua tahun iaitu semenjak tingkatan 1 dan tingkatan 2 lagi.

## **1.7 Rangka Kajian**

Rangka kajian untuk kajian tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah Agama telah pun dirancang oleh pengkaji dan dapat dilihat melalui catatan di bawah.

### **1.7.1 Bab pertama: Pendahuluan.**

Bab permulaan ini akan mengemukakan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengenalan, pernyataan masalah, definisi operasional, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan rangka kajian.

### **1.7.2 Bab kedua: Kajian Literatur.**

Bab ini akan membincangkan mengenai bahasa kedua dan bahasa asing, konsep kemahiran mendengar, kepentingan kemahiran mendengar, kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan kemahiran mendengar, proses kemahiran mendengar, strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan taksonomi Bloom.

### **1.7.3 Bab ketiga: Metodologi Kajian.**

Lebih berfokuskan kepada metodologi kajian. Reka bentuk kajian, responden kajian, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian, prosedur kajian dan kaedah penganalisan data yang digunakan dalam kajian ini akan dihuraikan secara terperinci dalam bab ini.

#### **1.7.4 Bab keempat: Analisis Data.**

Bab ini adalah bahagian untuk menganalisis data-data kajian yang diperolehi daripada responden. Data-data tersebut, akan dianalisis bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

#### **1.7.5 Bab kelima: Rumusan dan Cadangan.**

Bab yang kelima adalah merupakan penutup kepada kajian ini. Dalam bab ini, akan membicarakan tentang rumusan, kesimpulan dan implikasi daripada kajian yang telah dilakukan. Disamping itu, mengutarakan beberapa saranan yang sewajarnya untuk dijadikan sebagai sumbangan ke arah pemahaman serta pembelajaran bahasa Arab yang lebih baik, berkesan dan efektif.

### **1.8 Penutup.**

Secara keseluruhan, pembelajaran kemahiran mendengar seharusnya diberi penekanan dalam proses pembelajaran bahasa kedua khususnya bahasa Arab. Penekanan, pada aspek kemahiran mendengar ini, dapat membantu para pelajar membina kefahaman yang jitu dan fokus kepada aktiviti pembelajaran bahasa Arab. Demikian juga, dengan adanya amalan strategi pembelajaran kemahiran mendengar yang efektif, dan konsisten dapat menyumbang kepada pemantapan dalam menguasai bahasa Arab. Di harapkan, kajian tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan pelajar ini dapat memberi panduan serta gambaran yang jelas tentang kepentingan dan kelebihan amalan kemahiran mendengar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

## **BAB II**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab kedua, kajian ini akan membincangkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang penyelidikan yang dikaji. Di antara, perkara-perkara yang akan dibincangkan adalah, bahasa kedua dan bahasa asing, konsep kemahiran mendengar, kepentingan kemahiran mendengar, kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan kemahiran mendengar, proses kemahiran mendengar, strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan taksonomi Bloom.

#### **2.1 Bahasa kedua dan bahasa asing**

Dalam melabelkan kepada sesuatu bahasa sasaran yang bukan bahasa ibunda yang hendak dikaji, istilah atau konsep bahasa kedua dan bahasa asing sering mencetuskan perselisihan pandangan dan menjadikannya satu isu. Iaitu, samada ianya dianggap satu istilah yang berbeza atau pun seerti.

Menurut Brown, (2000: 271) istilah bahasa kedua adalah merujuk kepada bahasa yang kebiasaannya dipelajari secara formal. Dengan kata lain, bahasa tersebut dikuasai dan diperolehi melalui proses pembelajaran di sekolah atau pun di tempat belajar yang lain disebabkan keperluannya dalam lingkungan sesebuah sosial masyarakat. Bahasa kedua diperolehi sesudah bahasa ibunda dikuasai. Bahasa ini juga sering digunakan sebagai alat komunikasi berdampingan dengan bahasa ibunda atau bahasa pertama. Pada kebiasaannya,

bahasa kedua diperolehi dalam lingkungan sosial tempat sesuatu bahasa ibunda yang mana, bahasa kedua itu kerap digunakan dalam komunikasi atau urusan seharian.

Sebagai contoh, di Malaysia para pelajar diwajibkan mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua untuk membolehkan mereka berkomunikasi dengan individu yang datang dari negara lain. Di samping itu, ramai di kalangan rakyat Malaysia yang menggunakan bahasa Inggeris secara meluas, terutama dalam kebanyakan urusan-urusan dalam bidang pentadbiran sektor awam atau swasta, hal-hal yang tidak rasmi dan dalam komunikasi seharian. Keadaan ini menunjukkan bahawa, ianya tidak asing dalam kelompok sosial rakyat Malaysia dan dianggap sebagai bahasa kedua yang perlu dikuasai selepas bahasa ibunda. Dalam pada itu, pemilihan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Malaysia juga, adalah disebabkan kerana kualitinya yang sangat tinggi di mata dunia iaitu sebagai bahasa antarabangsa atau lingua franca dan menjadi satu landasan yang terbaik untuk membantu serta memudahkan dalam menguasai kepelbagaian bidang ilmu, lebih-lebih lagi dalam bidang sains dan teknologi.

Adapun, Klien dan Wolfgang (1986:19) beranggapan istilah bahasa asing digunakan untuk menyatakan sesuatu bahasa yang diperolehi dalam proses pembelajaran yang formal dan kebiasaanya bahasa tersebut jarang atau tidak digunakan dalam rutin serta urusan harian. Dalam situasi di Malaysia, istilah bahasa ini boleh dilihat kepada pelajar-pelajar yang menguasai sesuatu bahasa selain bahasa ibunda seperti bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Jerman dan sebagainya yang mana, mereka menguasainya melalui proses pembelajaran secara formal di mana-mana institusi-institusi pendidikan. Walau bagaimanapun, bahasa yang dipelajari tersebut, selalunya tidak digunakan serta dipraktiskan dalam rutin kehidupan seharian mereka. Antara matlamat utama bahasa asing dipelajari di sesebuah

negara adalah kerana ingin mencapai tujuan-tujuan tertentu sahaja, seperti persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara, memudahkan dalam menjalinkan hubungan diplomatik di antara negara-negara luar, kepentingan ekonomi sesebuah negara, peribadi dan sebagainya.

Rentetan daripada isu ini, terdapat juga sarjana yang tidak membezakan di antara bahasa kedua dengan bahasa asing dan salah seorangnya adalah sarjana Wilkins (1981) (dlm Zulkifly, 2006:166). Beliau berpendapat, bahawa semua bahasa selain daripada bahasa ibunda adalah bahasa kedua atau bahasa asing, sama ada ia dipelajari menerusi perancangan di peringkat nasional atau dipelajari untuk tujuan-tujuan tertentu sahaja. Kenyataan ini juga menunjukkan, bahawa seseorang individu itu boleh menguasai lebih daripada dua bahasa kedua atau bahasa asing.

Di samping itu, ahli bahasa Abdullah Hassan (1998), Halimah Badioze dan Jamaliah Mohd Ali (1995) juga, menyifatkan bahasa kedua dan bahasa asing adalah merupakan istilah atau makna yang seerti. Menurut Halimah Badioze & Jamaliah Mohd Ali (1995:60), bahasa kedua atau bahasa asing lazimnya dipelajari apabila seseorang itu sudah mahir dalam bahasa pertamanya dan seringkali terdapat pelajar bahasa kedua atau bahasa asing itu adalah lebih tua usianya berbanding dengan pelajar bahasa pertama. Fakta mengenai usia seseorang itu adalah penting kerana ciri-ciri yang berkaitan dengan proses penyuburan seseorang seperti perkembangan emosi dan kognitif yang matang, dijangka mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Pada pendapat Abdullah Hassan (1987:53) pula, bahasa kedua dan bahasa asing hanya mampu berkembang melalui latihan dan pengukuhan. Selain itu, menurut beliau rancangan, kaedah tertentu serta dorongan dan sikap yang sihat amat diperlukan untuk menghidupkan proses pembelajaran yang berkesan.

Walau bagaimanapun, berkenaan isu dua istilah bahasa ini kajian ini lebih cenderung kepada pendapat yang menyatakan bahawa bahasa kedua atau bahasa asing adalah dua istilah yang sama. Ini kerana, pada pendapat penulis bahasa kedua atau bahasa asing adalah tetap bahasa yang diperolehi dan dipelajari sesudah bahasa ibunda dan kedua-duanya dipelajari atas dasar beberapa tujuan serta memerlukan kaedah pembelajaran yang berlainan berbanding pemerolehan bahasa ibunda. Perbezaan yang boleh dilihat pada kedua-dua bahasa tersebut mungkin dari segi keutamaan serta penguasaannya sahaja. Misalnya perbandingan di antara bahasa Inggeris dan bahasa Arab di Malaysia. Kedua-dua bahasa tersebut adalah bukan bahasa ibunda bagi orang Melayu akan tetapi, didapati bahasa Inggeris lebih diutamakan dan didahulukan dalam penggunaannya berbanding bahasa Arab. Oleh demikian, bahasa Arab di dalam kajian berkenaan penguasaan kemahiran mendengar ini, boleh dianggap sebagai bahasa kedua atau pun bahasa asing kepada responden kajian.

## **2.2 Konsep Kemahiran Mendengar**

Wolvin dan Coakley (dlm Strother, 1987:74) mentakrifkan proses mendengar sebagai proses menerima, melakukan tidak balas dan memberi makna kepada rangsangan audio atau bunyi yang didengari. Manakala, Tinkler (1980:29) berpendapat bahawa kemahiran mendengar adalah terbentuk melalui beberapa kemahiran yang lain seperti, keupayaan dalam membezakan fonem, mengenalpasti perkataan, tekanan, intonasi serta bentuk sintatik. Di samping itu, kemampuan dalam meringkaskan, menjangka dan memberi maklum balas kepada maklumat yang didengari daripada penutur, dalam sesuatu proses komunikasi.

Ada pun, Steil, Barker dan Watson pula mentakrifkan kemahiran mendengar sebagai empat aktiviti-aktiviti yang saling berkait antara satu sama lain. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah

mengesan, mentafsir, menilai serta memberi maklum balas (dlm Rhodes, Steven, 1987:36). Aktiviti mengesan adalah merujuk kepada menerima mesej sama ada melalui lisan atau gerak badan. Aktiviti mentafsir pula, merujuk kepada proses untuk memahami atau pemahaman mesej yang di sampaikan. Manakala, aktiviti menilai adalah membuat keputusan ke atas mesej yang diperolehi, sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan mesej tersebut berdasarkan maklumat yang sedia ada. Aktiviti menjawab pula, adalah merujuk kepada penggunaan bentuk-bentuk lisan atau gerak balas badan untuk memberi tindak balas kepada mesej yang diterima. Menurut Steil, Barker dan Watson juga, aktiviti terakhir ini adalah aktiviti yang sangat penting. Ini kerana, dengan terlaksananya aktiviti terakhir ini, seseorang yang mengucapkan mesej akan dianggap berjaya memperolehi maklumat atau perkara yang diinginkan.

Oleh demikian, pendapat berkenaan pengertian atau konsep kemahiran mendengar yang diutarakan oleh beberapa orang pengkaji di atas adalah lebih berteraskan kepada kebolehan pendengar dalam dua kemahiran yang utama iaitu kemahiran menerima serta kemahiran memberi respon kepada informasi yang diperolehi dalam aktiviti komunikasi bersama penutur sesuatu bahasa. Dengan adanya dua kemahiran yang utama ini pada pendengar maka, informasi yang cuba disampaikan oleh penutur akan dianggap berjaya.

### **2.3 Kepentingan Kemahiran Mendengar**

Sememangnya lumrah seseorang manusia yang normal, tidak akan lari daripada aktiviti mendengar. Mendengar adalah merupakan suatu kemahiran yang amat penting. Jika dilihat pada sejarah Islam itu sendiri iaitu ketika penurunan wahyu pertama kepada Rasullullah SAW, baginda diajari dan diperdengarkan wahyu daripada Allah SWT melalui perantaraan malaikat Jibril. Sejarah ini menunjukkan bahawa Rasullullah SAW yang pada ketika itu,

adalah seorang yang buta huruf dapat menerima keputusan daripada Allah SWT hanya melalui kemahiran mendengar. Adapun, dalam pembelajaran sesuatu bahasa pada masa kini, kemahiran ini dilihat berkembang dengan pesat dan pantas berbanding dengan kemahiran-kemahiran yang lain seperti kemahiran menulis dan kemahiran membaca (Scarcella dan Oxford, 1992; Oxford, 1993). Hal ini berlaku kerana, seseorang individu menerima sebarang maklumat melalui mendengar arahan atau penerangan sebelum membuat sebarang tindak balas secara lisan atau pun secara bertulis.

Penyelidikan terdahulu ada membuktikan bahawa orang dewasa menghabiskan 40% sehingga 50% daripada masa berkomunikasi hanya untuk melakukan aktiviti mendengar sahaja (Gilman & Moody, 1984). Di samping itu juga, menurut Moley (1991:82), aktiviti mendengar boleh dianggap sebagai dua kali ganda lebih banyak berbanding bertutur, empat kali ganda lebih banyak daripada membaca dan lima kali ganda lebih banyak daripada menulis. Ini membuktikan bahawa, kemahiran mendengar adalah aktiviti komunikasi manusia yang paling kerap dilakukan dalam kehidupan seharian dan berjaya sesuatu aktiviti komunikasi itu apabila adanya berlaku aktiviti mendengar yang berkesan serta memberi makna kepada pendengar mahu pun orang yang memberi maklumat.

Walaupun bagaimanapun, menurut Oxford (1993), kemahiran mendengar dalam pembelajaran sesuatu bahasa sama ada ianya bahasa pertama atau bahasa kedua, kemahiran ini masih dianggap sebagai kemahiran sampingan sahaja. Ini kerana, ramai di kalangan pelajar yang mendengar hanya kerana ingin membetulkan sebutan supaya lebih baik khususnya dalam aktiviti pertuturan. Sedangkan, mereka tidak tahu bahawa dengan penggunaan kemahiran mendengar yang sebetulnya boleh membantu mereka bukan sahaja dalam memperbetulkan



sebutan bahkan memberi pemahaman yang betul dan benar di dalam pembelajaran sesuatu bahasa.

Rentetan daripada masalah ini, Rost (1994:141) memberi pendapat bahawa, kemahiran mendengar sangat penting di dalam kelas pembelajaran bahasa. Ini kerana, melalui kemahiran mendengar pelajar mampu memperolehi dan menguasai bahasa sasaran yang dipelajarinya. Tanpa ada kefahaman bahasa sasaran pada tahap yang betul, sesuatu pembelajaran tidak boleh bermula. Di samping itu, Rost juga ada berpendapat bahawa, kemahiran mendengar itu adalah asas kepada kemahiran bertutur.

Maka dengan ini, berdasarkan kepentingan-kepentingan yang dibicarakan sebentar tadi menunjukkan bahawa kemahiran mendengar adalah sangat diperlukan dalam pemerolehan atau pembelajarran sesuatu bahasa. Begitu juga, keperluanya dalam melancarkan sesuatu komunikasi serta urusan kehidupan seharian sesebuah kumpulan masyarakat yang berbahasa.

## **2.4 Proses Kemahiran mendengar**

Kemahiran mendengar bukanlah satu kemahiran yang mudah untuk diperolehi. Ini kerana, kemahiran tersebut memerlukan pendengar membentuk makna daripada maklumat lisan yang diterima dan ianya bergantung kepada pengetahuan latar belakang pendengar tentang bahasa kedua atau bahasa asing (Byrnes, 1984; Nagle & Sanders, 1986; Young, 1997). Seterusnya, pendengar perlu menghasilkan maklumat dalam ingatan jangka panjang mereka dan membuat tafsiran sendiri mengenai apa yang dituturkan oleh penutur.

Anderson (1983), telah membahagikan proses kemahiran mendengar kepada tiga peringkat iaitu, persepsi, analisis sintetik dan penggunaan. Ketika pendengar melalui proses persepsi, penumpuan perhatian pendengar adalah kepada teks lisan. Pendengar akan mengekalkan bunyi daripada teks lisan tersebut ke dalam ingatan dengan cara meniru bunyi tersebut. Walau bagaimanapun, penumpuan perhatian pendengar boleh terjejas disebabkan oleh memori peniruan yang terhad. Kemudiannya, pendengar dengan serta-merta akan memindahkan maklumat di dalam memori peniruan ke dalam memori jangka masa pendek untuk memproses bunyi dan makna.

Pada peringkat seterusnya, proses analisis sintetik, pendengar akan membina perwakilan mental yang bermakna dengan menggunakan perkataan dan mesej. Pendengar akan menyusun semula maklumat tersebut ke dalam unit yang bermakna yang mana, ianya boleh disimpan dalam ingatan jangka masa pendek. Dalam proses penggunaan pula, iaitu merupakan peringkat terakhir, pendengar akan menggunakan memori jangka panjang untuk menghubungkan mesej masuk ke dalam pengetahuan pendengar yang sedia ada. Jika maklumat baru dan pengetahuan yang sedia ada dipadankan maka, kefahaman akan berlaku.

Coakley dan Wolin (1986) pula, telah mencadangkan lima peringkat proses yang berlaku dalam kemahiran mendengar. Pertama, pendengar bersedia untuk mendengar maklumat bunyi tertentu. Kedua, pendengar menerima mesej yang lantang dan rangsangan visual daripada penutur termasuk ekspresi muka, gerak isyarat dan pergerakan. Seterusnya, mesej yang diterima diproses melalui sistem ingatan jangka masa pendek. Pada masa yang sama, penerimaan pendengar telah dipengaruhi oleh pengetahuan latar belakang, pengalaman lampau serta keadaan fizikal dan juga mental.

Peringkat keempat pula, setelah pendengar memperoleh maklumat yang diterima, maklumat akan disimpan ke dalam kategori linguistik yang sesuai di mana, ianya terletak di dalam otak dan kemudiaannya ditugaskan untuk memberi makna bagi memperoleh sesuatu maklumat. Peringkat keempat ini juga, merupakan asas kepada merangka tafsiran segala maklumat aural dan ianya perlu dilakukan dengan melibatkan pemprosesan kognitif pendengar. Pada peringkat akhir, iaitu peringkat kelima, pendengar akan bertindak balas kepada mesej yang telah ditaksirkan yang mana, ianya termasuk tindak balas dalaman yang merujuk kepada penyimpanan maklumat memori jangka masa panjang dan tindak balas luaran iaitu, maklum balas segera yang disampaikan kepada penutur.

Nunan (2002) ada membincangkan mengenai dua jenis pemprosesan kognitif iaitu proses dari bawah ke atas (*bottom-up*) dan atas ke bawah (*top-down*). Proses *bottom-up* merujuk kepada memperoleh makna mesej berdasarkan data-data bahasa yang masuk bermula dari sudut bunyi, kepada perkataan, perkataan kepada hubungan tatabahasa, dan akhirnya dari hubungan tatabahasa terus membentuk makna. Proses ini juga, disebut sebagai proses dalam keadaan sejajar (*linear*).

Jika lihat pada proses *bottom-up*, pembentukan makna adalah merupakan langkah yang terakhir. Sebaliknya, proses *top-down*, merujuk kepada penggunaan schemata yang mana, ianya dikenali sebagai pengetahuan latar belakang pelajar dan kefahaman yang luas untuk menyimpul makna dan mentafsir mesej atau maklumat yang diperolehi. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa ahli linguistik yang lain beranggapan bahawa kemahiran mendengar bukanlah pemprosesan *bottom-up* mahupun *top-down*. Ini kerana, kemahiran mendengar adalah proses interaktif, pendengar memproses tafsiran menggunakan kedua-

dua pengetahuan terdahulu dan pengetahuan bahasa untuk memahami mesej yang diperolehi.

Hasil daripada pendapat yang diutarakan oleh Anderson (1983), Coakley dan Wolin (1986) serta Nunan (2002), kemahiran mendengar adalah satu proses yang amat kompleks. Ini kerana, pendengar memerlukan kebolehan yang agak baik dari segi fonologi, sintaksis, semantik dan struktur teks bahasa sasaran. Disamping itu, latar belakang yang mencukupi adalah perlu untuk mencapai pemahaman yang munasabah daripada apa yang didengarinya.

## **2.5 Strategi Pembelajaran Kemahiran Mendengar**

Oxford (1990:8) mendefinisikan strategi pembelajaran sebagai tindakan khusus yang di ambil oleh seseorang pelajar untuk menjadikan pembelajaran lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih terarah diri, lebih berkesan dan lebih mudah disesuaikan kepada situasi baru.

Di dalam kajian Oxford (1990:135-150), beliau telah membahagikan strategi pembelajaran kepada dua kategori yang utama iaitu kategori langsung dan kategori tidak langsung. Strategi pembelajaran secara langsung adalah melibatkan bahasa sasaran sebagai strategi langsung dan semua strategi langsung ini melibatkan atau memerlukan pemprosesan mental. Akan tetapi, ketiga-tiga kumpulan strategi iaitu memori, kognitif dan pampasan melakukan pemprosesan ini secara berbeza. Ada pun, dari sudut memberi makna atau maksud pula adalah berbeza juga. Ini kerana, strategi memori membantu individu menyimpan dan mendapatkan maklumat baru. Manakala, strategi kognitif membolehkan pelajar untuk memahami dan mengeluarkan bahasa baru dengan cara yang berbeza. Strategi pampasan pula, bermaksud membenarkan seseorang individu untuk menggunakan sesuatu

bahasa sasaran walau pun terdapat jurang yang ketara dalam pengetahuan dan maklumatnya.

Di samping itu, berkenaan strategi yang tidak langsung pula, Oxford menerangkan bahawa, strategi ini sebenarnya membantu dan menyokong proses dalam aktiviti pembelajaran sesuatu bahasa sasaran. Menurut beliau juga, strategi tidak langsung dibahagikan kepada tiga kumpulan juga iaitu metakognitif, afektif dan sosial. Strategi metakognitif bermaksud, membolehkan dan membenarkan individu untuk mengawal kognitif mereka sendiri. Manakala, strategi afektif membantu dalam pengawalan emosi, motivasi dan sikap. Strategi sosial pula adalah, membantu individu dalam sesuatu bahasa sasaran melalui interaksi dengan individu yang lain. Ketiga-tiga strategi tersebut dikenali sebagai “tidak langsung” kerana ianya menyokong dalam pembelajaran sesuatu bahasa tanpa secara langsung melibatkan bahasa sasaran yang dipelajarinya. Strategi langsung dan strategi tidak langsung ini sebenarnya boleh diaplikasikan di dalam keempat-empat kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran bertutur.

Rentetan daripada idea pembahagian strategi pembelajaran bahasa yang diutarakan oleh Oxford, ramai pengkaji-pengkaji lain yang mengadaptasikan idea beliau ini untuk digunakan dalam kajian-kajian mereka berkenaan pembelajaran bahasa terutama bahasa kedua atau bahasa asing. Di antaranya adalah, kajian yang dijalankan oleh Chang (2005) iaitu berkenaan hubungan di antara gaya pembelajaran dan strategi kemahiran mendengar dalam kalangan 98 orang pelajar yang mengambil *English as a Foreign Language* (EFL) di Universiti Newcastle Upon Tyne, United Kingdom. Soalan-soalan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran mereka, Chang telah menggunakan semakan Indeks Gaya Kognitif dari

Allinson dan Hayes (1996) dan indeks gaya tersebut dibahagikan kepada dua kategori iaitu kawalan diri sendiri dan kepergantungan kepada kepelbagaian tugas.

Manakala, bagi soalan-soalan strategi kemahiran mendengar pula, beliau mengadaptasikan Inventori Strategi Strategi Pembelajaran (Oxford 1990) dan dipecahkan kepada lima kumpulan iaitu metakognitif, memori, kognitif, kemahiran mengkaji dan bantuan maklumat lain. Hasil analisis daripada ANOVA menunjukkan wujudnya hubungan signifikan di antara gaya kategori kawalan diri sendiri dengan dua kumpulan strategi kemahiran mendengar iaitu metakognitif dan kognitif. Di samping itu, dapatan beliau juga mengesahkan penemuan yang diperolehi oleh Sadler-Smith (1999a; 1999b) bahawa, tiada hubungan yang signifikan di antara gaya kognitif dengan pendekatan pembelajaran.

Vandergrift (2007) juga ada menjalankan kajian berkenaan strategi kemahiran mendengar iaitu, hubungan di antara strategi tersebut dengan penguasaan kemahiran mendengar di kalangan 36 orang pelajar Perancis menengah tinggi yang terletak di Kanada. Kajian ini menunjukkan bahawa responden yang mempunyai penguasaan yang tinggi menggunakan strategi metakognitif lebih kerap berbanding dengan responden yang mempunyai penguasaan yang lemah dan dapatan yang diperolehi oleh beliau juga menunjukkan bahawa, strategi metakognitif mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan kemahiran mendengar responden.

Selain itu, Liu (2008) ada melakukan kajian mengenai strategi kemahiran mendengar ke atas 101 orang pelajar universiti daripada tiga buah universiti di Taipei yang bukan major dalam bahasa Inggeris. Mereka semua adalah terdiri daripada pelajar-pelajar jabatan komputer sains, pemasaran, bahasa Sepanyol, perniagaan antarabangsa, rekabentuk

multimedia dan kejuruteraan mekanikal. Beliau telah membentuk tiga kumpulan mengikut tahap penguasaan kemahiran mendengar yang berbeza daripada jumlah pelajar tersebut iaitu, cemerlang, sederhana dan lemah. Hasil dapatan yang diperolehi beliau menunjukkan bahawa, pelajar yang cemerlang menggunakan lebih banyak membuat perancangan strategi berbanding pelajar yang kurang cemerlang dan pelajar cemerlang juga lebih memberi perhatian berbanding pelajar yang kurang cemerlang.

Kajian Liu juga mendapati, perancangan strategi pengurusan tumpuan, secara terus serta pilihan dan organisasi yang kukuh mempunyai hubungan yang tinggi dengan pencapaian kemahiran mendengar. Liu ada menjelaskan bahawa kebanyakan pelajar yang cemerlang mempunyai pengetahuan yang luas berkenaan penggunaan strategi yang sebenar-benarnya dan ianya, menyumbang kepada kefahaman mereka. Di samping itu, mereka tidak bergantung kepada menterjemahkan dari bahasa pertama mereka ke dalam bahasa sasaran. Dalam erti kata lain, mereka ini mampu menggunakan proses atas ke bawah (*top-down*) contohnya seperti membuat penghuraian. Manakala, bagi kumpulan pelajar yang kurang cemerlang pula, mereka lebih memberi tumpuan kepada lexis atau tatabahasa yang tidak diketahui dan dengan demikian, ianya menyebabkan mereka sukar untuk menggunakan strategi-strategi yang ada.

Walau bagaimanapun, penggunaan strategi terjemahan di antara pelajar yang cemerlang dengan pelajar yang kurang cemerlang tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Selain itu, pelajar yang cemerlang pandai dalam mengawal emosi masing-masing dan kerap menggunakan strategi untuk menjelaskan maksud ketika berkomunikasi dengan penutur asli bahasa sasaran. Ada pun, pendengar yang kurang cemerlang seolah-olah berasa bimbang apabila berhadapan dengan kesukaran lexis yang tidak difahami, dan keadaan ini

juga menunjukkan mereka tidak mempraktikkan strategi sosial untuk bertanya mengenai makna yang jelas dari orang yang mereka berkomunikasi iaitu penutur asli bahasa sasaran.

Vogely (1995) telah membuat satu kajian ke atas sekumpulan pelajar bahasa Sepanyol di universiti Katolik iaitu seramai 83 orang . Kajian beliau adalah bertujuan untuk melihat strategi yang digunakan oleh pelajar-pelajar ketika membuat tugas bagi kemahiran mendengar. Kesemua matapelajaran yang diambil oleh pelajar-pelajar adalah diajar dalam bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Inggeris. Akan tetapi, terdapat beberapa orang dalam kalangan pelajar-pelajar ini yang tinggal bersama atau berhampiran dengan penutur asli bahasa Sepanyol. Vogely memperolehi data yang diinginkan melalui peperiksaan penguasaan bahasa Sepanyol yang mana, subjek pertama yang perlu diambil oleh pelajar-pelajar dalam peperiksaan ini adalah ujian kemahiran mendengar. Kemahiran mendengar mereka diuji dengan mendengar dan menonton tiga rakaman video yang berbeza. Kemudiannya, berdasarkan aktiviti-aktiviti tersebut mereka akan menjawab soal selidik berkenaan kesedaran strategi metakognitif yang telah digubal oleh Vogely .

Hasil dapatan yang diperolehi Vogely mendapati, pelajar-pelajar banyak menggunakan strategi dalam kemahiran mendengar. Di antaranya, mendapatkan makna keseluruhan bagi teks yang didengar, mengaitkan pengetahuan latar belakang dengan maklumat dalam teks, memahami setiap perkataan yang didengari, memberi tumpuan kepada setiap patah perkataan yang didengari dan membuat gambaran berkenaan perkataan dan frasa yang didengari. Di samping itu, dapatan menunjukkan, pelajar-pelajar kurang menggunakan strategi “ *top-down* ” seperti meramalkan, menjangkakan, meneka atau membuat kesimpulan bagi lanjutan yang seterusnya dalam teks. Akan tetapi, mereka ini banyak menggunakan strategi “ *down-top* ” iaitu berterusan dalam mendengar secara aktif untuk



mendapatkan lebih penjelasan daripada taks yang didengari, mendengar dengan teliti untuk segmen yang seterusnya bagi memperolehi maklumat tambahan yang jelas serta membuat andaian atau tekaan bagi perkataan dan ayat yang tidak diketahui maksudnya berdasarkan konteks.

Dengan ini, penggunaan strategi pembelajaran yang tinggi sememangnya sangat diperlukan dalam meningkatkan kemampuan serta penguasaan kemahiran berbahasa khususnya dalam kemahiran mendengar. Ini kerana, hasil daripada perancangan idea dan kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang dibincangkan di atas menunjukkan bahawa strategi pembelajaran banyak membantu dalam proses pembelajaran sesuatu bahasa terutamanya bahasa selain bahasa ibunda. Di samping itu, keinginan serta kesedaran individu berkenaan penggunaan strategi pembelajaran juga amat penting bagi memudahkan proses perlaksanaannya dalam pembelajaran bahasa.

## **2.6 Kajian-Kajian Berkaitan Kemahiran Mendengar**

Pada hakikatnya, terdapat banyak kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji khususnya pengkaji dari luar berkenaan kemahiran mendengar khususnya untuk bahasa kedua atau bahasa asing. Walau bagaimanapun, bagi pengkaji tempatan pula didapati, kajian mengenai kemahiran ini masih lagi kurang. Ini kemungkinan disebabkan, kajian kemahiran mendengar sukar untuk dikaji atau pun para pengkaji tempatan tidak nampak kepentingan kemahiran mendengar dalam pembelajaran sesuatu bahasa sasaran.

Di antara pengkaji tempatan yang berminat dalam kajian kemahiran mendengar adalah Nik Mohd Rahimi (2005). Beliau telah membuat kajian untuk membuat penilaian terhadap kemahiran mendengar bahasa dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah-

sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan (SMA-YIK). Beliau menggunakan model penilaian CIPP iaitu konteks, input, proses dan produk untuk menilai kemahiran mendengar tersebut. Responden kajian terdiri daripada seramai 1,665 pelajar *saffu thalith i'dadi*, dan 100 orang guru bahasa Arab.

Hasil dapatan kajian yang diperolehi mendapati, beberapa aspek kemahiran mendengar bahasa Arab tidak ditekankan dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab seperti teknik tidak melihat teks ketika mendengar, ketika menjawab soalan kefahaman serta ketika mengajuk bacaan guru. Di samping itu, dapatan menunjukkan secara keseluruhannya pencapaian pelajar-pelajar dalam kemahiran mendengar bahasa Arab adalah sederhana. Ujian korelasi juga membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara teknik pengajaran, teknik pembelajaran, sikap, motivasi, persepsi dan profil kemahiran mendengar dengan pencapaian pelajar-pelajar.

Selain itu, Nik Mohd Rahimi juga ada berkerjasama bersama-sama dengan Zamri dan Kamarulzaman (2008) dalam menjalankan satu kajian berkenaan hubungan motivasi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab dengan pencapaian pelajar. Kajian tersebut dijalankan ke atas seramai 824 orang pelajar yang mana, ianya diambil secara rawak di semua sekolah menengah agama negeri dan reka bentuknya adalah kajian tinjauan. Dua instrumen yang digunapakai dalam mendapatkan data kajian iaitu soal selidik dan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap motivasi pembelajaran kemahiran mendengar responden adalah pada tahap yang tinggi dan tahap pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab mereka pula, berkedudukan pada tahap sederhana sahaja. Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan

bahawa, wujudnya perbezaan yang signifikan di antara tiga kumpulan motivasi pembelajaran yang berbeza.

Kajian yang dilakukan oleh Norziah (2002) pula, adalah berkaitan dengan pengaruh jenis teks terhadap skor ujian pelajar khususnya dalam kemahiran mendengar. Terdapat dua objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji dalam kajian ini. Pertama, mengenalpasti hubungan di antara skor ujian dan soalan yang berbentuk langsung serta tidak langsung. Kedua, melihat adakah ada hubungan yang signifikan di antara jenis teks dan bentuk soalan.

Kajian yang melibatkan kemahiran mendengar ini, dijalankan ke atas pelajar-pelajar matrikulasi di Universiti Malaya yang mengambil '*Pra-Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua*' (Pra-ESL). Bagi memperolehi data, pelajar-pelajar akan diperdengarkan dua teks tajuk yang berbeza dan setiap soalan-soalannya yang akan dikemukakan adalah sama tetapi dalam dua bentuk yang berbeza iaitu, langsung dan tidak langsung. Kaedah ini memudahkan kepada Norziah untuk membuat perbandingan di antara skor ujian daripada dua jenis teks yang berbeza. Hasil dapatan menunjukkan, pelajar memperolehi skor ujian yang baik bagi soalan-soalan yang berbentuk langsung berbanding soalan-soalan yang berbentuk tidak langsung untuk kedua-dua jenis teks yang berbeza. Di samping itu, kajian yang dijalankan ini menguatkan lagi teori Krashen bahawa, input 'kefahaman' amat penting dalam pemerolehan sesuatu bahasa sasaran.

Cai (2003) pula, telah membuat satu kajian untuk melihat sejauh mana pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa kedua menggunakan strategi berbentuk pencarian atau pengabaian dan sumber-sumber pengetahuan mereka seperti semantik, morfologi, paralinguistik, maklumat

latarbelakang dan sebagainya untuk memproses kepelbagaian jenis perkataan-perkataan asing yang terdapat dalam kemahiran mendengar. Responden yang terlibat dalam kajian Cai ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa pertuturan atau bahasa ibunda mereka adalah bahasa Cina.

Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, Cai telah menjalankan dua eksperimen ke atas responden kajian dengan menggunakan prosedur secara langsung tanpa bantuan serta rangsangan daripada pengulangan semula. Eksperimen yang pertama, data menunjukkan strategi utama yang digunakan oleh responden adalah berbentuk pencarian dan mereka menggunakan sumber-sumber pengetahuan untuk menghasilkan makna perkataan. Petunjuk konseptual dan tahap penguasaan bahasa pula adalah dua faktor yang sangat penting kepada responden dalam penentuan pemilihan berkenaan strategi-strategi dan sumber-sumber pengetahuan. Selain itu juga, data eksperimen ini menunjukkan bahawa penggunaan strategi berbentuk pencarian mempunyai kolerasi dengan kefahaman teks dari aktiviti kemahiran mendengar berbanding dengan strategi berbentuk pengabaian. Walau bagaimanapun, sumber-sumber pengetahuan pula tidak ada kolerasi dengan hasil carian kata.

Data yang diperolehi daripada eksperimen yang kedua pula, membuktikan bahawa struktur morfologi untuk perkataan-perkataan asing yang terdapat dalam aktiviti kemahiran mendengar adalah merupakan faktor utama kepada pemilihan responden berkenaan strategi dan sumber-sumber pengetahuan. Berkaitan dengan struktur morfologi, penggunaan kontekstual dan tahap penguasaan bahasa, gabungan di antara ketiga-tiganya menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan. Di samping itu, dapatan juga menjelaskan bahawa struktur morfologi bagi perkataan asing tidak memberi kesan terhadap penggunaan sumber-

sumber pengetahuan dan kefahaman berkenaan perkataan asing pula sebenarnya adalah sangat rumit. Secara keseluruhannya, hasil dapatan daripada eksperimen yang pertama dan kedua menjelaskan bahawa penggunaan strategi dan juga sumber-sumber pengetahuan akan berbeza mengikut keadaan serta demensi yang berlainan.

Adapun, Satkunamary (2004) membuat kajian bagi meninjau perbezaan penggunaan strategi mendengar dalam kalangan pendengar yang efektif dan kurang efektif dalam kelas *Malaysian University English Test* (MUET). Objektif kajian ini adalah untuk memahami sebab perbezaan prestasi dalam ujian kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Responden yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada 13 orang pelajar tingkatan enam, yang bakal menduduki peperiksaan MUET. Responden dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan pertama terdiri daripada 4 orang yang mana, mereka ini merupakan responden utama untuk kajian ini. Manakala, kumpulan kedua iaitu seramai 9 orang, mereka ini menyumbang kepada data keseluruhan.

Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan adanya perbezaan yang ketara dalam penggunaan strategi mendengar dalam kalangan pelajar bagi dua kumpulan pendengar ini. Pelajar yang efektif memproses maklumat yang didengar dengan lebih banyak dan lebih pantas dengan menggunakan strategi “ *top-down* ”. Pendengar kurang efektif pula menggunakan strategi “ *bottom-up* ” dan berusaha memahami setiap patah perkataan sebelum mencapai kefahaman keseluruhan. Di samping itu, pendengar efektif mempunyai banyak strategi yang boleh digunakan berbanding dengan pendengar kurang efektif yang tidak memiliki sebarang strategi yang diperlukan sedangkan penguasaan bahasa Inggeris mereka adalah lemah.


Oleh yang demikian, merujuk kembali kepada perbincangan kajian-kajian berkenaan kemahiran mendengar yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji tempatan sebentar tadi, didapati majoriti kajian yang dilakukan tersebut adalah melibatkan kemahiran mendengar dalam bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa-bahasa lain. Ini menunjukkan, kajian kemahiran mendengar bukan sahaja kurang penyelidikan berkaitan dengannya akan tetapi, kurang juga dari sudut penyelidikan berkenaan kemahiran mendengar dalam bahasa kedua atau bahasa asing yang sememangnya wujud pembelajarannya di Malaysia. Misalnya, seperti bahasa Arab, bahasa Mandarin, bahasa Jepun dan sebagainya.

Selain itu juga, kajian-kajian yang dilaksanakan oleh para pengkaji ini juga, memberi gambaran yang jelas bahawa terdapat beberapa kaedah dan elemen tertentu yang banyak mempengaruhi penguasaan kemahiran mendengar bagi seseorang individu atau sekelompok pelajar yang mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing. Diharapkan, kajian-kajian seumpama ini akan dapat diteruskan dan dilaksanakan pada masa akan datang khususnya dalam bahasa-bahasa lain yang mana ianya dapat membantu guru-guru serta pelajar-pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mengikut persekitaran dan sosial di Malaysia.

## **2.7 Taksonomi Bloom**

Pada tahun 1956, seorang ahli psikologi pendidikan bernama Benjamin Bloom telah menghasilkan satu penulisan berkenaan "*Taksonomi atas Tujuan Pendidikan: Domain Kognitif*". Konsep domain kognitif ini ditulis bertujuan memberi gambaran tentang kemampuan dalam kemahiran berfikir bagi seseorang individu. Domain ini, terdiri daripada enam aras kemahiran berfikir yang berbeza iaitu aras pengetahuan, aras kefahaman, aras aplikasi, aras analisis, aras sintesis dan aras penilaian. Keenam-enam aras tersebut tersusun

secara berperingkat-peringkat iaitu bermula dengan kemampuan pemikiran yang mudah atau senang dan diakhiri dengan kemampuan pemikiran yang kompleks atau sukar. Menurut Bloom, aras pengetahuan, aras pemahaman dan aras aplikasi adalah dikategorikan sebagai tahap kemahiran berfikir yang basic dan mudah. Manakala, aras analisis, aras sintesis dan aras penilaian pula, dikategorikan sebagai tahap kemahiran berfikir yang tinggi. Gambar rajah 2.1 di bawah membantu dalam memperjelaskan secara ditir berkenaan kedudukan aras-aras tersebut.



Rajah 2.1 : Aras – aras domain kognitif

Walau bagaimanapun, pada tahun 1990 Lorin W. Anderson iaitu seorang ahli psikologi kognitif dan juga bekas pelajar Bloom telah membuat satu pembaharuan dan penambahbaikan kepada konsep taksonomi ini seiring dengan perkembangan serta kemajuan abad yang kedua puluh satu pada ketika itu. Akan tetapi idea atau pembaharuan konsep beliau ini mula diterbitkan hasil kolaborasi bersama seorang rakan seperjuangannya iaitu dan David R. Krathwol dalam penghasilan salah satu daripada bukunya yang bertajuk *“A Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom’s Taxonomy of Educational Objectives”* pada tahun 2001.

Pembaharuan taksonomi yang dilakukan oleh Anderson dan Krathwol tersebut adalah melibatkan tiga aspek perubahan yang utama. Pertama, mereka telah mengubahsuai jenis perkataan asal yang diilhamkan oleh Bloom iaitu jenis perkataan yang berbentuk kata nama kepada jenis perkataan yang berbentuk kata kerja. Kedua, mengubahsuai konsep urutan dua aras yang sedia ada kepada urutan yang lain iaitu apada asalnya aras penilaian (*evaluation*) adalah aras yang paling tinggi berbanding aras sintesis (*synthesis*) akan tetapi, ianya ditukar kedudukannya kepada aras sintesis (*synthesis*) lebih tinggi berbanding aras penilaian (*evaluation*). Perubahan yang terakhir iaitu perubahan ketiga pula, mereka menukarkan tiga istilah yang terdapat dalam setiap aras kepada istilah yang baru iaitu pengetahuan (*knowledge*) diubahkan menjadi mengingat (*remembering*), kefahaman (*comprehension*) pula diubah menjadi memahami (*understanding*) dan sintesis (*synthesis*) diubah menjadi mencipta (*creating*). Jadual 2.1 di bawah telah dibentuk untuk memperjelaskan lagi mengenai perbincangan ketiga-tiga aspek perubahan utama yang telah ditetapkan ini.

<b>Taksonomi Bloom</b>	<b>↔</b>	<b>Pembaharuan Taksonomi Bloom</b>
1. Pengetahuan ( <i>Knowledge</i> )	↔	Mengingat ( <i>Remembering</i> )
2. Kefahaman ( <i>Comprehension</i> )	↔	Memahami ( <i>Understanding</i> )
3. Aplikasi ( <i>Aplication</i> )	↔	Mengaplikasikan ( <i>Applying</i> )
4. Analisis ( <i>Analysis</i> )	↔	Menganalisis ( <i>Analyzing</i> )
5. Sintensis ( <i>Synthesis</i> )	↗↘	Menilai ( <i>Evaluating</i> )
6. Penilaian ( <i>Evaluation</i> )	↖↙	Mencipta ( <i>Creating</i> )

Jadual 2.1 : Pembaharuan Taksonomi Bloom oleh Anderson dan Krathwol



Pada dasarnya, sistem pendidikan di Malaysia tidak terkecuali dalam mengaspirasikan konsep Taksonomi Bloom (1956). Bermula dari sekolah rendah sehinggalah peringkat universiti, format penilaian peperiksaannya adalah bertunjangkan kepada enam aras kemahiran berfikir Taksonomi Bloom ini. Enam aras tersebut adalah terdiri daripada aras pengetahuan, aras kefahaman, aras aplikasi, aras analisis, aras sintesis dan aras penilaian.

Bagi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), soalan-soalan yang dibina hanya melibatkan tiga aras kemahiran berfikir Taksonomi Bloom yang terawal sahaja iaitu, aras pengetahuan, aras kefahaman dan aras aplikasi. Manakala, untuk aras-aras kemahiran berfikir Taksonomi Bloom yang selebihnya iaitu aras analisis, aras sintesis dan aras penilaian, akan diuji ke atas pelajar-pelajar di sekolah menengah. Oleh demikian, kandungan soalan-soalan di dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dan juga Sijil Peperiksaan Menengah (SPM) yang ada sekarang adalah berasaskan keenam-enam aras Taksonomi Bloom.

### **2.7.1 Pengetahuan**

Aras pengetahuan atau mengingat adalah aras yang paling mudah dan senang dalam urutan Taksonomi Bloom. Proses pengetahuan atau mengingat ialah melibatkan imbasan semula berkenaan informasi atau maklumat sesuai yang sedia ada di dalam ingatan jangka masa yang panjang. Pada aras yang basic ini, selalunya para pelajar akan diuji berkaitan kemampuan mereka dalam mengenalpasti atau mengingat kembali memori serta pengetahuan yang sedia ada atau yang pernah dipelajari dan diprolehi pada sesuatu waktu lepas tertentu, yang mana ianya tersimpam dalam struktur kognitif mereka. Keupayaan pada aras ini juga lebih berfokuskan kepada fakta-fakta yang asas, termonologi atau istilah-istilah, definisi, konsep, peristiwa atau elemen-elemen yang spesifik dalam sesuatu isu dan situasi. Terdapat banyak kata tanya yang digunakan untuk mengaitkan sesuatu persoalan

dengan aras pengetahuan atau mengingat. Di antaranya adalah menyatakan, melabelkan, menerangkan, menamakan, mendefinisikan, menyebut kembali, menentukan dan sebagainya.

### **2.7.2 Kefahaman**

Aras kefahaman atau memahami adalah aras kognitif bagi mengenalpasti kemampuan seseorang individu memahami dan mengingat semula sesuatu perkara, yang mana ianya merupakan perkara yang telah dipelajari dan sudah diketahui. Pada aras kognitif ini juga, akan berlakunya penglibatan dalam proses perkembangan pemikiran individu. Dengan terlaksananya proses perkembangan tersebut, seseorang individu akan mempunyai kebolehan dalam menghuraikan, menterjemah dan memperjelas daripada apa yang difahami dengan menggunakan idea-idea utama dalam perkataan mereka sendiri. Aras kefahaman atau memahami adalah aras yang tinggi sedikit berbanding dengan aras pengetahuan atau mengingat. Di antara kata tanya yang digunakan untuk dihubungkan dengan aras ini adalah meringkas, mengklasifikasikan, mentafsirkan, membandingkan, menterjemahkan, menjelaskan, menentukan, member contoh dan sebagainya.

### **2.7.3 Aplikasi**

Aras aplikasi adalah merupakan proses yang berkedudukan tinggi sedikit berbanding aras kefahaman atau memahami. Pada aras kognitif ini, memperlihatkan kemampuan seseorang individu untuk memilih, menggunakan serta menerapkan maklumat tepat berkenaan sesuatu teori, tatacara, prinsip, hukum, kaedah, formula dan sebagainya dengan situasi atau konteks yang sudah diketahui atau pun baru diketahui. Dengan kata lain, aras aplikasi ini juga menguji kemampuan seseorang individu dalam menerapkan segala prinsip yang diketahuinya hasil daripada pembelajaran dan sumber pengetahuan yang terdahulu untuk

menyelesaikan sesuatu permasalahan yang timbul. Di antara kata tanya yang kebiasannya digunakan dalam sesuatu persoalan bagi aras aplikasi ini adalah menggunakan, melaksanakan, mempraktikkan, meramalkan, menjalankan, melakukan, memilih, menyelesaikan, menyusun, menghubungkan dan sebagainya.

#### **2.7.4 Analisis**

Aras analisis pula adalah proses kognitif yang menunjukkan bahawa seseorang individu berkebolehan dalam memisahkan beberapa idea-idea ke dalam komponen-komponennya atau bahagian-bahagian kecil yang berasingan dan mereka juga mampu menunjukkan bahawa mereka memahami dan mengetahui hubungan di antara komponen-komponen atau bahagian-bahagian kecil tersebut. Dalam proses menganalisis sesuatu permasalahan dan persoalan, penghakiman dan pertimbangan yang tepat adalah satu kaedah yang sangat penting serta diperlukan untuk melahirkan satu rumusan dan kesimpulan yang sahih. Rumusan dan kesimpulan itu juga perlulah disertakan dengan hujah-hujah atau pun bukti-bukti yang berkaitan. Di antara kata tanya yang sering digunakan dalam permasalahan dan persoalan yang berkait dengan aras analisis ini adalah membandingkan, memilih, mengubah struktur, memastikan, mengintegrasikan, menguraikan, membezakan, menyamakan, menyusun outline, menentukan, mengintegrasikan dan sebagainya.

#### **2.7.5 Sintesis**

Aras sintesis adalah merupakan proses kognitif yang boleh dikatakan agak tinggi dan sukar. Pada kedudukan aras ini seseorang individu perlu menyepadukan serta mencantumkan beberapa idea menjadi satu. Ini semua memerlukan usaha tersendiri daripada seseorang individu bagi menyelesaikan masalah dan persoalan yang berkehendakkan kepada penyelesaiannya. Selain itu, seseorang individu juga perlu

membuat ramalan, pertimbangan serta klasifikasi terhadap suatu konteks, situasi, kaedah atau idea berdasarkan kemampuan dan maklumat sedia yang ada pada diri mereka. Contohnya, jika seseorang individu dikemukakan beberapa pilihan maka mereka mampu untuk memilih salah satu daripada pilihan tersebut yang terbaik dan sesuai dengan kriteria yang sedia ada. Di antara kata tanya yang selalu digunakan untuk dikaitkan dengan aras sintesis adalah mengkritik, membina, mempertimbangkan, susunkan hipotesis, menilai, menguji, merumuskan, membandingkan, mengembangkan, memutuskan dan sebagainya.

#### **2.7.6 Penilaian**

Aras penilaian adalah merupakan aras proses kognitif yang sangat tinggi dan kompleks berbanding dengan lima aras yang lain. Bagi peringkat aras ini, seseorang individu perlu mempunyai kemampuan yang tinggi dan kebolehan pengetahuan yang sangat luas dalam membuat sebarang pertimbangan, mengkritik, mentafsir dan termasuklah juga dalam memberikan rasional berkenaan beberapa alasan yang mana mungkin ianya diperolehi daripada sudut dalaman atau pun sudut luaran kepada sesuatu permasalahan dan isu. Di samping itu, seseorang individu perlulah membuat pertimbangan dengan berpandukan piawaian tertentu seperti memuaskan, berkesan, tepat, baik, buruk dan sebagainya. Pada kebiasaanya juga, tidak ramai dalam kalangan individu yang mampu melepasi aras penilaian ini, melainkan mereka sememangnya sudah tersedia dengan pengetahuan dan maklumat yang banyak. Di antara kata tanya yang sering digunapakai dalam membentuk soalan seumpama aras penilaian ini adalah pilihkan, kritikan, berikan alasan, buktikan dan membuat penilaian.

## **2.8 Kesimpulan**

Kemahiran mendengar dalam bahasa kedua atau bahasa asing adalah sangat perlu diberi perhatian khususnya dalam proses pembelajaran. Ini kerana, proses pembelajaran itu sendiri menggunakan banyak kemahiran mendengar untuk membolehkan input-input dalam sesuatu bahasa diperolehi dan dikuasai. Meskipun, kemahiran mendengar dianggap kemahiran yang agak kompleks, masih terdapat banyak strategi pembelajaran yang dapat dipraktikkan untuk membantu dalam penguasaan kemahiran mendengar seseorang samada dari sudut bunyi, perkataan, klausa dan ayat.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pengenalan**

Bab yang ketiga ini adalah merupakan bahagian metodologi kajian. Dalam bab ini, kajian ini akan menghuraikan secara terperinci mengenai reka bentuk kajian, responden kajian, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian, kaedah penganalisan data, rangka konseptual kajian dan prosedur kajian yang akan digunakan dalam kajian.

#### **3.1 Reka bentuk Kajian.**

Kajian mengenai penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan pelajar ini, merupakan kajian berbentuk deskriptif yang menggunakan data-data kuantitatif. Data-data dipungut melalui soal selidik dan ujian kemahiran mendengar. Menurut Patton (1990:14), kaedah kuantitatif ini mampu mengukur reaksi dan tindak balas responden berkenaan soal selidik yang terhad serta boleh menganalisis permasalahan yang dikaji dengan tepat dan mudah. Ini kerana data kuantitatif adalah sistematik, mudah dianalisis dan dapat diperolehi dalam masa yang singkat.

#### **3.2 Responden Kajian.**

Responden yang digunakan dalam kajian ini adalah tertumpu kepada pelajar-pelajar tingkatan tiga di Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini, Jengka. Kajian ini memilih lokasi ini kerana Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini, adalah di antara Sekolah Agama Negeri di Negeri Pahang yang mempunyai ramai bilangan pelajar dan lapisan pelajarnya yang merangkumi pelbagai tahap pencapaian samada cemerlang, sederhana mahu pun lemah. Terdapat seramai 135 orang pelajar tingkatan tiga yang menuntut di

Ma'ahad ini. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel yang ditentukan oleh Krejcie dan Morgan (1970), sekiranya populasi kajian adalah lingkungan 130 hingga 140, maka sampel yang seharusnya diambil adalah 97 hingga 103. Walau bagaimanapun, kajian ini telah menetapkan seramai 80 orang pelajar sahaja untuk dijadikan responden. Ini kerana, populasi kajian yang dipilih adalah bersifat homogenus dan sekiranya sampel diambil terlalu ramai, ini akan mengakibatkan kerumitan dalam aktiviti pemungutan data terutamanya ketika proses pengujian kemahiran mendengar. Selain itu, tempoh masa yang akan diambil juga akan lama dan keadaan ini akan mengganggu emosi responden untuk menjawab soalan dengan tenang dan telus.

Bagi pemilihan yang dibuat pula, adalah berbentuk pilihan secara rawak sekata. Pemilihan secara ini digunakan, bagi memastikan kajian ini memperolehi bilangan responden di antara lelaki dan perempuan yang mempunyai pelbagai tahap pencapaian dan kuantiti yang setara di antara kedua-duanya. Hasil daripada pemilihan ini, kajian ini akan memperoleh bilangan responden meliputi empat puluh orang pelajar lelaki dan empat puluh orang pelajar perempuan sekaligus, memberi ruang kepada kajian ini untuk mencapai objektif kajian yang telah dicadangkan sebelum ini.

### **3.2.1 Latar belakang Sekolah.**

Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini (Ma'ahad SAS) adalah merupakan sekolah menengah agama tunggal yang terdapat di Bandar Jengka dan berhampiran dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Ma'ahad SAS ini merupakan Sekolah Agama Kerajaan Negeri yang teristimewa dan bertuah kerana mendapat pengiktirifan gelaran Ma'ahad oleh jabatan pendidikan di negeri Pahang.

Pada peringkat awal penubuhan Ma'ahad SAS iaitu tahun 1985, Jabatan Agama Islam Pahang dari Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) telah menyewa khusus beberapa buah bangunan di kawasan perumahan Desa Jaya untuk dijadikan sebagai bangunan pentakbiran bagi kakitangan kerja serta penempatan pembelajaran dan asrama pelajar-pelajar Ma'ahad SAS. Akan tetapi, pada ketika itu Ma'ahad SAS masih dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama Jengka Pusat (SMAJP).

Bilangan pelajar yang memasuki SMAJP ketika awal operasinya adalah seramai 119 orang pelajar kelas peralihan bersama-sama dengan 3 orang guru. Pertambahan pelajar yang menuntut di SMAJP semakin bertambah dari satu tahun ke satu tahun. Walau bagaimanapun, SMAJP hanya mampu menyediakan kelas sehingga tingkatan 3 sahaja dan ini menyebabkan peluang untuk pelajar menuntut di SMAJP adalah terhad. Pelajar-pelajar yang telah menamatkan SRP (PMR), akan menyambung pelajaran mereka ke tingkatan 4 di sekolah yang lain.

Setelah beberapa tahun SMAJP beroperasi dalam keadaan yang serba kekurangan ini, SMAJP telah mendapat tawaran untuk mendirikan bangunan sendiri yang canggih dan serba lengkap. Proses penyiapan pembinaan bangunan baru itu mengalami pelbagai kesukaran yang mana, ia mengakibatkan bangunan SMAJP yang diramalkan sempurna pembinaannya pada tahun 1995 masih tidak dapat dilaksanakan.

Dalam proses terakhir pembinaan bangunan SMAJP iaitu tahun 1996 pada bulan Januari, kesemua kakitangan dan pelajar-pelajar SMAJP berpindah dari kawasan perumahan Desa Jaya dan beroperasi di bangunan SMAJP yang dilengkapi pelbagai kemudahan, walaupun sebenarnya bangunan tersebut masih dalam proses di akhir penyempurnaan pembinaan.



Bangunan ini siap sepenuhnya selepas mengambil masa beberapa bulan dengan anggaran kos perbelanjaan menjangkau nilai harga yang sangat tinggi .

Beberapa tahun kemudiannya, Ma'ahad SAS memperlihatkan kemajuan dan perkembangan dari aspek pembelajaran dan peperiksaan. Pencapaian yang diperolehi pelajar menampakkan hasilnya dari tahun ke tahun, dan ianya adalah hasil kerjasama yang tidak berbelas bagi di antara kakitangan sekolah bersama-sama dengan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG). Pada waktu tersebut, Ma'ahad SAS di bawah naungan pimpinan Tuan Haji Mohammed. Kemampuan Ma'ahad melahirkan pelajar yang cemerlang dalam pencapaian kesemua peperiksaan yang telah ditetapkan oleh bahagian kementerian pelajaran Malaysia menyebabkan ianya mendapat banyak perhatian luar, khususnya daripada sekolah-sekolah menengah di bawah kementerian pendidikan yang lain.

### **3.3 Kaedah Pengumpulan Data.**

Secara amnya, dalam pengumpulan data kajian ini menggunakan sumber daripada data primer dan data sekunder. Menurut Sarah Boslaugh (2007:1), data primer adalah data yang yang dikumpul serta diperolehi secara langsung melalui penggunaan beberapa instrumen. Data primer ini juga boleh dikatakan data yang paling tepat dan terkini berbanding dengan data sekunder. Ini kerana, data sekunder adalah data yang diperolehi daripada penyelidikan atau hasil dapatan daripada sumber kajian-kajian yang telah dijalankan terlebih dahulu untuk digunakan dalam penyelidikan yang terbaru (Heaton, 2004:16).

### **3.4 Instrumen Kajian.**

Berkenaan dengan instrumen kajian, kajian ini telah menggunakan dua jenis instrumen iaitu borang soal selidik dan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab untuk memperolehi

data primer. Kedua-dua instrumen ini dibuat hasil daripada pengubahsuaian kajian-kajian terdahulu yang telah dibuat oleh pengkaji tempatan mahupun pengkaji luar. Bagi memastikan soalan-soalan dalam borang soal selidik dan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab yang dibina oleh pengkaji diakui keesahannya, pengkaji telah membuat perbincangan secara ditir bersama-sama dengan penyelia serta pensyarah-pensyarah lain yang mahir dalam bidang yang dikaji oleh pengkaji. Disamping itu, pengkaji juga ada meminta khidmat nasihat dan pandangan mengenai soalan-soalan yang akan diuji kepada responden daripada guru-guru subjek Bahasa Arab Komunikasi responden sendiri yang mempunyai pengalaman mengajar dalam tempoh yang agak lama.

#### **3.4.1 Soal Selidik.**

Borang soal selidik adalah instrumen yang pertama untuk kajian ini. Pengkaji akan membahagikan soalan selidik kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B:

##### **i) Bahagian A**

Dalam bahagian A ini, mengandungi 10 soalan. Sebanyak 7 soalan yang dikemukakan kepada responden adalah berkenaan dengan demografi responden. Soalan-soalan tersebut adalah seperti aspek berikut.

- A) jantina
- B) umur
- C) bahasa pertuturan di rumah
- D) tempat tinggal
- E) taraf pendidikan ibu
- F) taraf pendidikan bapa
- G) pendapatan keluarga

Setiap soalan akan diberi beberapa pilihan jawapan untuk dijawab kecuali pada soalan peringkat umur. Manakala, tiga soalan selebihnya pengkaji lebih menfokuskan soalan yang berkaitan dengan latar belakang bahasa Arab yang dimiliki oleh responden. Soalan-soalan tersebut adalah seperti berikut;

- A) Adakah responden suka mempelajari bahasa Arab?
- B) Kenapakah responden belajar di sekolah menengah Agama?
- C) Berapa lamakah responden telah mempelajari bahasa Arab?

Pembentukan soalan sedemikian dibuat kerana, kajian ini percaya ianya sedikit sebanyak memberi kesan dan mempengaruhi tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran mendengar bahasa Arab. Bagi tiga soalan ini, kajian ini juga telah menetapkan beberapa pilihan jawapan untuk dipilih oleh responden.

## ii) Bahagian B

Berkenaan dengan bahagian B, kajian ini membina item-item untuk mengetahui kekerapan responden dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab. Kajian ini membina item-item tersebut, berpandukan strategi mendengar yang dibuat oleh Chang (2005) dalam kajian "*Intuitive-analysis style and EFL listening strategies*" yang telah dijalankan oleh beliau. Strategi mendengar yang dihasilkan oleh beliau juga sebenarnya diadaptasikan daripada gagasan *Strategy Inventory for Language Learning* (SILL, version 7.0) yang dirancang oleh Oxford (1990).

Sekiranya, diamati strategi-strategi yang dibentuk oleh Chang (2005) kebanyakannya lebih menjerumus kepada strategi-strategi yang dilakukan secara individual dan sememangnya sesuai dengan situasi responden beliau yang terdiri daripada golongan pelajar universiti. Walau bagaimanapun, bagi responden kajian ini yang diwakili oleh

golongan pelajar menengah rendah, strategi-strategi penguasaan kemahiran mendengar yang berbentuk individual adalah amat sukar untuk dilaksanakan. Ini kerana, aktiviti sokongan dan penguasaan dalam proses pembelajaran untuk pelajar menengah rendah memerlukan banyak kawalan dan bimbingan. Ada pun, bagi golongan pelajar universiti mereka mampu melakukan pelbagai kaedah yang boleh membantu memantapkan proses pembelajaran mereka tanpa sebarang pengawasan. Oleh demikian, kajian ini hanya mengambil beberapa item sahaja yang bersesuaian dengan konsep kajian ini. Selain itu, kajian ini akan menstrukturkan binaan ayat setiap item yang dipilih untuk disesuaikan dengan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab di samping, mengekalkan isi penting dalam setiap item tersebut.

Kajian ini juga ada menjadikan beberapa soalan motivasi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab yang digubal oleh Nik Mohd Rahimi, Zamri dan Kamrulzaman (2008) sebagai panduan dalam pembinaan item-item untuk bahagian B ini. Walaupun soalan-soalan tersebut lebih berfokuskan kepada motivasi tetapi, terdapat beberapa soalan yang boleh dibentuk menjadi item strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab mengikut apa yang diilhamkan oleh Chang (2005) daripada SILL Oxford (1990). Berikut adalah 10 item strategi pembelajaran kemahiran mendengar Mendengar bahasa Arab di dalam bahagian B yang telah dibentuk dan perlu dijawab oleh responden.

No.	Item
b1)	Saya kerap membuat latihan mendengar bahasa Arab.
b2)	Saya membuat latihan mendengar dengan mendengar kaset bahasa Arab.
b3)	Saya membuat latihan mendengar dengan menonton filem, video dan VCD bahasa Arab.

- b4) Saya memberi sepenuh perhatian ketika seseorang bercakap dalam bahasa Arab.
  - b5) Apabila saya tidak memahami sesuatu perkara yang diucapkan dalam bahasa Arab, saya akan meminta mengulangnya semula
  - b6) Jika saya mendengar perkataan yang saya tidak faham, saya akan bertanya kepada guru.
  - b7) Jika saya mendengar perkataan yang saya tidak faham, saya akan bertanya kepada rakan-rakan.
  - b8) Saya akan membuat catatan perkataan baru atau yang tidak tahu daripada maklumat yang saya dengar dalam bahasa Arab
  - b9) Saya akan hubungkan perkataan baru bahasa Arab yang saya dengar dengan gambaran perkataan tersebut, supaya saya dapat mengingatnya.
  - b10) Apabila saya mendengar perkataan bahasa Arab yang baru, saya akan berlatih menyebutnya semula.
- 

Jadual 3.1 : Item-item strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.

Hasil penelitian daripada itm-item yang telah dibina, kajian ini telah merumuskan bahawa setiap item tersebut, boleh dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama, kajian ini menamakan kategori sendiri iaitu item-item strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab yang dipraktikkan secara persendirian atau anisiatif diri sendiri. Manakala, kategori kedua pula adalah kategori sosial iaitu item-item strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab yang dipraktikkan secara berhubung dengan dengan orang lain dan alam sekeliling untuk mendapatkan respon atau maklumat.

<b>Kategori</b>	<b>Item Strategi Penguasaan Kemahiran Mendengar Bahasa Arab</b>
Kendiri	( b1 ), ( b2 ), ( b3 ), ( b8 ), ( b9 ), ( b10 )
Sosial	( b4 ), ( b5 ), ( b6 ), ( b7 )

Jadual 3.1.1 : Pembahagian item strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.

Jadual 3.1.1 di atas, menjelaskan kedudukan setiap item berdasarkan kategori yang telah dirancang. Terdapat sebanyak enam item di dalam kategori sendiri dan empat item di dalam kategori sosial. Kesepuluh-sepuluh item tersebut, kajian ini akan bataskan berdasarkan lima skala likert. Skala likert yang pertama adalah sangat setuju, kedua adalah setuju, ketiga adalah tidak pasti, keempat adalah tidak setuju dan kelima adalah sangat tidak setuju. Nombor satu sehingga nombor lima akan digunakan untuk mewakili setiap skala likert. Kajian ini telah menetapkan bahawa nombor yang paling kecil iaitu nombor 1 dianggap nilai yang paling tinggi berbanding nombor 5. Ini kerana, kajian ini melihat dari sudut keutamaan untuk dinilai bukannya kuantiti. Jika dilihat pada kedudukan nombor 1 itu sendiri, menunjukkan bahawa ianya lebih utama dan terdahulu berbanding nombor 5.

Oleh yang demikian, penentuan seumpama ini sangat bersesuaian dan memudahkan kepada responden kajian untuk menjawab serta menilai soal selidik dalam bahagian B iaitu berkenaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab. Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas berkenaan skala likert ini, kajian ini telah membentuk sebuah jadual 3.1.2 di bawah untuk dijadikan rujukan.

Skala Likert	
Sangat Setuju	1
Setuju	2
Tidak Pasti	3
Tidak Setuju	4
Sangat Tidak Setuju	5

Jadual 3.1.2 : Skala likert untuk strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab

### 3.4.2 Ujian Kemahiran Mendengar Bahasa Arab

Seterusnya, ujian kemahiran mendengar bahasa Arab adalah merupakan instrumen yang kedua untuk melihat tahap penguasaan pelajar. Secara dasarnya, kajian ini akan mengekspertasikan Taksonami Bloom dalam membina soalan-soalan untuk ujian kemahiran mendengar bahasa Arab. Kajian ini juga menjadikan skema soalan subjek elektif bahasa Arab yang digubal oleh UiTM sebagai panduan dalam membina soalan-soalan ujian ini.

Manakala, dari sudut kandungan soalan adalah diambil daripada buku bahasa Arab Komunikasi Kemahiran Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dari tingkatan satu sehingga tingkatan tiga. Ini bagi memastikan soalan pengujian tidak keluar dari skop pembelajaran responden dan ketetapan sukatan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Pada asasnya, peringkat Taksonomi Bloom terbahagi kepada enam peringkat. Akan tetapi, kajian ini hanya akan membahagikan soalan-soalan yang dibina kepada lima peringkat sahaja iaitu, peringkat pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis dan sintesis. Peringkat

penilaian tidak digunakan dalam pembinaan soalan ujian ini kerana, kajian ini berpendapat peringkat ini sangat tinggi dan tidak sesuai di uji kepada pelajar menengah rendah.

Pada peringkat pertama iaitu pengetahuan, soalan kemahiran mendengar adalah berfokuskan kepada kebolehan pelajar mendengar dan mendiskriminasikan bunyi huruf-huruf Arab. Peringkat kefahaman, soalan tertumpu kepada pemahaman mengenai lexis bahasa Arab. Peringkat aplikasi, soalan didatangkan dalam bentuk ayat sapaan serta ayat aluan dan responden perlu memilih respon yang sesuai dengan ayat sapaan serta ayat aluan yang diberi. Peringkat analisis, soalan adalah berkenaan kesahihan sesuatu ayat dari sudut tatabahasanya. Peringkat terakhir iaitu, sintesis adalah pemahaman mendengar petikan pendek bahasa Arab. Jawapan setiap soalan berikut, akan diberi dalam empat bentuk aneka pilihan terkecuali untuk soalan peringkat analisis yang mempunyai dua sahaja pilihan jawapan. Responden perlu memilih salah satu daripada jawapan aneka pilihan yang betul.

Menurut Mohd. Majid Konting (1990:160), penilai luar yang pakar dalam sesuatu bidang yang dikaji, dapat membantu memastikan domain-domain yang terkandung dalam alat ukur mewakili bidang yang dikaji oleh penyelidik. Oleh itu, sepertimana yang dimaklumkan sebelum ini, kajian ini akan memastikan soalan-soalan ujian, disahkan oleh pakar iaitu dengan membuat perbincangan terlebih dahulu bersama-sama dengan penyelia dan pensyarah-pensyarah pakar yang lain. Kajian ini juga menjadikan guru-guru subjek bahasa Arab Komunikasi yang berpengalaman sebagai tempat rujukan, agar soalan yang dibina bersesuaian dengan tahap responden.

Setelah soalan ujian siap dan mendapat persetujuan daripada penyelia, rakaman audio dibuat untuk diuji kepada responden. Bagi rakaman audio ini, kajian ini menggunakan



khidmat seseorang yang berkelayakkan untuk membaca soalan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab. Beliau adalah salah seorang tenaga pengajar sambilan untuk subjek bahasa Arab di UiTM Shah Alam. Beliau dilahirkan di Arab Saudi dan telah mendapat pendidikan awal di sana sehingga berumur dua belas tahun. Berdasarkan temubual pengkaji bersama beliau, kajian ini mendapat maklumat bahawa bahasa pertuturan beliau di rumah adalah bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini berpendapat beliau sangat sesuai untuk membaca soalan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab kerana beliau berkebolehan membaca struktur ayat bahasa Arab mengikut kaedah yang sebenar.

### **3.5 Kaedah Penganalisisa Data.**

Secara amnya, dalam kaedah penganalisan data, kajian ini menggunakan satu metod kajian sahaja iaitu kuantitatif. Pendekatan kuantitatif diguna pakai dalam kajian ini untuk mengumpul data primer melalui soal selidik pelajar, dan juga ujian kemahiran mendengar bahasa Arab. Data-data yang diperolehi melalui soal selidik dan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab akan dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages For Social Science (SPSS). Indikator kuantitatif digunakan seperti, peratusan, min, sisihan piawai dan frekuensi.

Dari segi penganalisan data bagi kekerapan responden dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab, kajian ini telah mengaplikasikan cara interpretasi yang telah dicadangkan oleh Oxford dan Burry-Stock (1995), untuk mentafsirkan tahap penggunaan strategi kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan responden. Oxford dan Burry-Stock (1995) telah menetapkan tiga kriteria penilaian tahap penggunaan strategi penguasaan bahasa. Jadual 3.1.3 di bawah menerangkan ketiga-tiga kriteria penilaian tersebut.

<b>Tahap penggunaan</b>	<b>Skala likert</b>	<b>Skor min</b>
Tinggi	Sangat setuju	1.0 hingga 1.4
	Setuju	1.5 hingga 2.4
Sederhana	Tidak pasti	2.5 hingga 3.4
Rendah	Tidak setuju	3.5 hingga 4.4
	Sangat tidak setuju	4.5 hingga 5.0

Jadual 3.1.3 : Interpretasi skor min tahap penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.


Adapun, dari segi penganalisan tahap penguasaan responden dalam kemahiran mendengar bahasa Arab, kajian ini telah menetapkan tiga tahap penguasaan yang berbeza iaitu, cemerlang, sederhana dan lemah. Tahap penguasaan yang cemerlang adalah golongan responden yang memperolehi gred A dan tahap penguasaan yang sederhana pula adalah golongan responden yang memperolehi gred B dan C. Responden yang memperolehi gred D dan E pula, diketogerikan dalam tahap penguasaan yang lemah. Manakala, dari sudut gred-gred yang digunapakai adalah mengikut gred permarkahan yang ditetapkan oleh KPM untuk semua subjek dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Kajian ini telah merangka sebuah jadual 3.1.4 di sebelah untuk memperjelaskan lagi berkenaan kaedah penganalisan data untuk gred pemarkahan serta tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.

Markah	Gred	Tahap Penguasaan
80 – 100	A	Cemerlang
60 – 79	B	Sederhana
50 – 59	C	
40 – 49	D	Lemah
0 – 39	E	

Jadual 3.1.4 : Markah, gred dan pembahagian tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.

### 3.6 Rangka konseptual kajian.

Berdasarkan daripada cadangan pemilihan kaedah penyelidikan dan analisis yang dimaklumkan sebelum ini sebenarnya telah membantu dalam membentuk rangka konseptual untuk kajian ini. Set soalan pengujian yang dihasilkan daripada taksonomi Bloom dan pengaruh jumlah responden yang menggunakan strategi penguasaan kemahiran mendengar menjadi salah satu cara untuk mengenalpasti penguasaan responden dalam kemahiran mendengar bahasa Arab. Rajah 3.1 di sebelah dapat menjelaskan secara terperinci berkenaan rangka konseptual kajian yang dibina hasil gabungan instrument yang telah dicadangkan.



Rajah 3.1 : Rangka konseptual kajian penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.

### 3.7 Prosedur Kajian.

Prosedur kajian amat penting dalam memastikan sesuatu kajian berjalan dengan penuh beretikan dan lancar. Menurut Sidek Mohd Noah (2002) tatacara kajian ialah prosedur serta langkah-langkah yang perlu diambil oleh penyelidik untuk melaksanakan kajian dari awal hingga kajian berakhir. Berikut kajian ini menyenaraikan prosedur-prosedur kajian untuk dilaksanakan:-

- 1) Pada peringkat awal, penulis telah mengenalpasti bidang yang hendak dikaji dan membuat beberapa analisis daripada kajian-kajian terdahulu untuk mendapatkan ilham dalam pembinaan beberapa tajuk kajian.

- 2) Setelah memperolehi beberapa tajuk yang dirasakan boleh dijadikan kajian, penulis membuat perbincang bersama-sama dengan penyelia serta pensyarah-pensyarah lain untuk mendapatkan komen dan pandangan.
- 3) Apabila mendapat pengesahan persetujuan daripada penyelia dan ahli jawatankuasa mesyuarat akademik mengenai tajuk kajian, penulis telah mengunjungi ke tempat lokasi kajian yang ditetapkan iaitu Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini (Ma'ahad SAS) untuk memohon kebenaran pengetua menjalankan kajian di sekolah tersebut.
- 4) Setelah mendapat kebenaran membuat kajian daripada pengetua Ma'ahad SAS, penulis membuat serba sedikit penerangan mengenai kajian pengkaji serta perbincangan masa yang sesuai bersama-sama guru panatia subjek bahasa Arab komunikasi dan juga guru-guru subjek bahasa Arab komunikasi yang mengajar responden kajian.
- 5) Ketika hari pengujian terhadap responden, penulis memberi beberapa makluman serta panduan sebelum responden memulakan sesi menjawab soal selidik dan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab. Rakaman audio untuk ujian kemahiran mendengar ini akan diulang sebanyak dua kali. Ini bagi memastikan responden kajian dapat mendengar dan memahami soalan-soalan yang dikemukakan dengan jelas. Disamping itu juga, bagi melancarkan lagi proses pengujian ini, penulis dibantu oleh pengawasan daripada beberapa guru lain.

- 6) Penulis seterusnya memasukkan data-data yang diperolehi daripada responden ke dalam perisian SPSS versi 11.5 untuk dianalisis.
- 7) Akhir sekali, penulis membuat perbincangan dan beberapa rumusan daripada hasil dapatan yang diperolehi.

### **3.8 Penutup.**

Secara keseluruhannya, instrumen-instrumen seperti borang soal selidik dan juga set ujian kemahiran mendengar bahasa Arab mampu memberikan data-data yang diperlukan sekiranya prosedur dan juga kaedah analisis dijalankan seperti mana yang dicadangkan. Di samping itu juga, kerjasama dan penglibatan responden yang telus juga memberi kesan kepada hasil dapatan yang diinginkan. Oleh yang demikian, penerangan dan makluman yang secukupnya kepada responden adalah sangat penting supaya mereka faham kehendak soalan-soalan berkenaan kajian penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab ini.

## **BAB IV**

### **ANALISIS DATA**

#### **4.0 Pengenalan**

Bab yang ke empat ini adalah bahagian untuk menganalisis dan membincangkan data-data kajian. Data-data tersebut diperolehi melalui soal selidik dan juga ujian kemahiran mendengar bahasa Arab ke atas seramai 80 orang pelajar tingkatan tiga di Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini, Jengka. Bagi memudahkan penganalisaan dan mendapat pengiraan data yang tepat, kajian ini memasukkan data-data yang diperolehi ke dalam perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 11.5.

Data-data yang telah dimasukkan ke dalam perisian SPSS akan dianalisis dalam empat peringkat. Peringkat pertama, kajian ini akan menganalisis latar belakang responden. Peringkat kedua, menganalisis tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab responden. Peringkat ke tiga, menganalisis jumlah responden yang menggunakan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab. Peringkat terakhir iaitu peringkat keempat, menganalisis kekerapan responden mengikut tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar.

Kajian ini menggunakan satu sahaja kaedah pendekatan analisis iaitu kaedah kuantitatif. Lambang dalam bentuk angka banyak digunakan oleh kajian ini untuk menerangkan sesuatu pola. Huraian data pula, kajian ini akan huraikan secara diskriptif untuk menerangkan skor kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai. Setiap data juga akan dipersembahkan dalam bentuk jadual, rajah dan juga carta.

#### 4.1 Soal selidik

Soalan selidik adalah merupakan instrumen yang pertama dalam kajian ini. Kajian ini membahagikan soal selidik kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah soalan-soalan untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden. Manakala, bahagian B adalah soalan-soalan untuk mendapatkan maklumat jumlah atau kekerapan responden kajian dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.

##### 4.1.1 Latar belakang responden.

Bahagian latar belakang responden ini, kajian ini telah memecahkan kepada dua kategori yang berlainan iaitu kategori maklumat diri responden dan kategori maklumat pembelajaran bahasa Arab responden.

##### 4.1.1.1 Maklumat diri.

Bagi kategori maklumat diri responden, terdapat 7 soalan yang ditanya iaitu berkenaan, jantina, umur, bahasa pertuturan di rumah, tempat tinggal, taraf pendidikan bapa, taraf pendidikan ibu dan pendapatan keluarga.

Item Soalan	Jenis	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Perempuan	40	50%
	Lelaki	40	50%
Umur	15 tahun	100	100%
Bahasa pertuturan di rumah	Bahasa Melayu	100	100%


Jadual 4.1 : Taburan kekerapan dan beratusan untuk jantina, umur dan bahasa pertuturan di rumah responden.



Jadual 4.1 di sebelah menunjukkan taburan skor kekerapan serta peratusan untuk jantina, umur dan bahasa pertuturan di rumah responden kajian. Di dapati jumlah responden di kalangan lelaki dan perempuan adalah sekata, masing-masing adalah seramai 40 orang iaitu sebanyak 50%. Manakala, dari segi umur dan juga bahasa pertuturan di rumah, jadual mencatatkan ke semua responden iaitu sebanyak 100% berumur 15 tahun dan bahasa Melayu adalah bahasa pertuturan mereka di rumah.

Jadual 4.1.1 : Taburan kekerapan dan peratusan tempat tinggal responden.

Tempat Tinggal	Kekerapan	Peratusan
Bandar	38	47.5%
Luar bandar	42	52.5%




Rajah 4.1 : Taburan kekerapan tempat tinggal responden

Jadual 4.1.1 dan rajah 4.1 disebelah pula, menunjukkan taburan skor kekerapan serta peratusan tempat tinggal responden kajian. Seramai 38 orang responden iaitu sebanyak 47.5% yang tinggal di bandar. Manakala, seramai 42 orang responden iaitu seramai 52.5% yang tinggal di luar bandar. Ini menunjukkan bahawa majoriti daripada bilangan responden adalah menetap dan tinggal di kawasan luar bandar.

Jadual 4.1.2 : Taburan kekerapan dan peratusan taraf pendidikan bapa responden.

<b>Taraf pendidikan bapa</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Sekolah rendah	7	8.8 %
Sekolah menengah	38	47.5 %
STPM	10	12.5 %
Sijil	9	11.3 %
Diploma	11	13.8 %
Sarjana Muda	5	6.3 %




Rajah 4.1.1 : Taburan kekerapan taraf pendidikan bapa responden.

Jadual 4.1.2 dan rajah 4.1.1 adalah merupakan taburan skor kekerapan dan peratusan taraf pendidikan bapa responden. Berdasarkan soalan yang diajukan kepada responden, terdapat 7 orang responden iaitu sebanyak 8.8% yang menjawab sekolah rendah, seramai 38 orang responden iaitu 47.5% menjawab sekolah menengah dan 10 orang responden iaitu seramai 12.5% menjawab STPM. Manakala, 9 orang responden iaitu sebanyak 11.3% menjawab peringkat sijil, 11 orang responden iaitu sebanyak 13.8% menjawab diploma dan 5 orang responden yang lain iaitu sebanyak 6.3% menjawab sarjana muda.

Taraf pendidikan ibu	Kekerapan	Peratusan
Sekolah rendah	8	10 %
Sekolah menengah	42	52.5 %
STPM	9	11.3 %
Sijil	14	17.5 %
Diploma	7	8.8 %
Sarjana Muda	0	0 %

Jadual 4.1.3 : Taburan kekerapan dan peratusan taraf pendidikan ibu responden




Rajah 4.1.2 : Taburan kekerapan taraf pendidikan ibu responden.

Merujuk kepada jadual 4.1.3 dan rajah 4.1.2 di atas, didapati taburan skor kekerapan dan peratusan taraf pendidikan ibu responden yang paling tinggi adalah sekolah menengah iaitu seramai 42 orang responden atau sebanyak 52.5%. Manakala, peringkat sijil adalah taraf pendidikan ibu responden kedua tertinggi dengan bilangan skor kekerapannya seramai 14 orang responden iaitu sebanyak 17.5%, diikuti peringkat STPM mencatatkan 11.7% iaitu seramai 9 orang responden dan peringkat diploma 7 orang responden iaitu sebanyak 8.8%. Bagi peringkat sarjana muda pula, dapatan menunjukkan tiada seorang pun dalam kalangan ibu responden yang memiliki taraf pendidikan peringkat ini.

Dari segi item soalan berkenaan dengan pendapatan keluarga responden, didapati skor kekerapan pendapatan yang paling tertinggi adalah pendapatan RM1001 hingga RM2000 iaitu seramai 31 orang responden atau sebanyak 38.8%. 26 orang responden iaitu sebanyak 32.5% menjawab RM1000 ke bawah dan 13 orang responden iaitu seramai 16.3% menjawab RM2001 hingga RM3000. Manakala, terdapat 5 orang responden iaitu sebanyak 6.3% memilih jawapan RM3001 hingga RM4000 serta RM4001 ke atas. Taburan skor kekerapan dan peratusan mengenai pendapatan keluarga responden boleh dilihat pada jadual 4.1.4 dan carta 4.1 di bawah.

<b>Pendapatan keluarga</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
RM1000 dan ke bawah	26	32.5
RM1001 – RM2000	31	38.8
RM2001 – RM3000	13	16.3
RM3001 – RM4000	5	6.3
RM4001 dan ke atas	5	6.3

Jadual 4.1.4 : Taburan kekerapan dan peratusan pendapatan keluarga responden.




Carta 4.1 : Taburan kekerapan pendapatan keluarga responden.

#### 4.1.1.2 Maklumat pembelajaran bahasa Arab responden.

Di dalam kategori maklumat pembelajaran bahasa Arab responden, terdapat tiga item soalan yang disoal. Pertama, mengenai minat mempelajari bahasa Arab kedua, sebab responden belajar di sekolah agama dan ketiga, tempoh responden mempelajari bahasa Arab.

Item	Skor	Kekerapan	Peratusan
Minat mempelajari bahasa Arab.	Ya	77	96.3
	Tidak	3	3.8

Jadual 4.1.5 : Taburan kekerapan dan peratusan minat mempelajari bahasa Arab dalam kalangan responden.




Carta 4.1.1 : Taburan kekerapan minat mempelajari bahasa Arab dalam kalangan responden.

Jadual 4.1.5 dan carta 4.1.1 berikut menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan minat mempelajari bahasa Arab dalam kalangan responden. Sebahagian besar responden iaitu sebanyak 99.3% atau seramai 77 orang, meminati dalam mempelajari bahasa Arab. Manakala, selebihnya iaitu 0.7% atau 3 orang responden tidak mempunyai minat dalam mempelajari bahasa Arab.

Bagi item soalan berkenaan sebab belajar di sekolah agama, didapati hanya segelintir pelajar yang belajar sekolah agama kerana kehendak keluarga iaitu sebanyak 12.5% atau 10 orang responden. Walaubagaimana pun, seramai 70 orang responden iaitu sebanyak 87.5% menyatakan sebab belajar di sekolah agama adalah kerelaan diri sendiri. Skor kekerapan dan peratusan bagi item soalan ini boleh dirujuk melalui jadual 4.1.6 dan carta 4.1.2 berikut.

Item	Skor	Kekerapan	Peratusan
Sebab belajar di sekolah agama	Kerelaan diri sendiri	70	87.5
	Kehendak keluarga	10	12.5

Jadual 4.1.6 : Taburan kekerapan dan peratusan sebab mempelajari bahasa Arab dalam kalangan responden.




Carta 4.1.2 : Taburan kekerapan sebab mempelajari bahasa Arab dalam kalangan responden.

Seterusnya item soalan yang terakhir adalah, berkenaan dengan tempoh pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan responden. Hasil dapatan menunjukkan sebahagian besar daripada 44 orang responden iaitu sebanyak 55% yang mempelajari bahasa Arab melebihi daripada lima tahun. Manakala, seramai 24 orang responden iaitu 30% mempelajari bahasa Arab dalam tempoh tiga tahun. Bagi tempoh mempelajari bahasa Arab selama empat tahun dan dua tahun, masing-masing mencatatkan skor kekerapan yang paling rendah. 9 orang responden iaitu sebanyak 11.3% mempelajari bahasa Arab dalam tempoh empat tahun dan

3 orang responden iaitu sebanyak 3.8% mempelajari bahasa arab dalam tempoh dua tahun. Jadual 4.1.7 dan rajah 4.1.3 di bawah membantu dalam menjelaskan berkenaan tempoh mempelajari bahasa Arab dalam kalangan responden kajian.

Item	Skor	Kekerapan	Peratusan
Tempoh mempelajari bahasa Arab	2 tahun	3	3.8
	3 tahun	24	30
	4 tahun	9	11.3
	Lebih daripada 5 tahun	44	55

Jadual 4.1.7 : Taburan kekerapan dan peratusan tempoh mempelajari bahasa Arab dalam kalangan responden.



Rajah 4.1.3 : Taburan kekerapan tempoh mempelajari bahasa Arab dalam kalangan responden.



#### 4.2 Penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.

Skor markah	Jumlah	Peratus
40	1	1.3 %
44	7	8.8 %
48	4	5 %
52	17	21.3 %
56	12	15 %
60	8	10 %
64	11	13.8 %
66	1	1.3 %
68	6	7.5 %
72	8	10 %
76	4	5 %
80	1	1.3 %


$n = 80$

Jadual 4.1.8: Skor markah, jumlah dan peratusan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab.

Data-data dalam jadual 4.1.8 di atas adalah berkenaan skor markah, jumlah serta peratusan untuk ujian kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan responden kajian. Skor markah tertinggi yang diperolehi oleh responden kajian adalah 80 markah dan hanya 1.3% atau seorang sahaja dalam kalangan responden yang memperolehi markah ini. Bagi skor markah yang paling rendah pula adalah 40 markah dan data menunjukkan responden yang memperolehi markah tersebut hanya seorang responden juga.

Di samping itu, jadual di atas mencatatkan bahawa, ramai di kalangan responden memperoleh skor markah 52, 56 dan 64. Bilangan responden yang memperoleh 52

markah adalah 21.3 % atau seramai 17 orang dan untuk skor markah 56 pula, responden yang memperolehi skor markah tersebut adalah 15% atau 12 orang. Manakala, bagi skor markah 64 bilangan responden yang memperolehinya adalah 13.8 % atau 11 orang.



Rajah 4.1.4 : Taburan kekerapan gred ujian kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan responden.

Rajah 4.1.4 di atas pula, adalah berkenaan taburan skor kekerapan untuk gred ujian kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan responden kajian. Berdasarkan rajah tersebut, hanya seorang responden sahaja yang berjaya memperolehi gred A dan tidak ada seorang pun dalam kalangan mereka yang gagal dalam ujian ini. Data juga menunjukkan bahawa terdapat ramai dalam kalangan responden iaitu 38 orang yang memperolehi gred B. Manakala, 29 orang responden memperolehi gred C dan responden yang selebihnya iaitu 12 orang mendapat gred D.

Jika diteliti pada rajah di atas, didapati gred-gred yang tinggi didominasi oleh responden perempuan. Ini kerana, responden yang memperolehi gred A adalah di kalangan responden

perempuan. Manakala, bagi gred B data menjelaskan bahawa lebih separuh daripada empat puluh orang responden perempuan yang memperolehi gred ini berbanding dengan responden lelaki. Bilangan responden lelaki yang mendapat gred B adalah kurang daripada separuh jumlah mereka iaitu hanya 17 orang.

Dapatan untuk gred yang rendah seperti gred C dan D pula, didapati bilangan responden lelaki yang memperolehi kedua-dua gred tersebut lebih ramai berbanding responden perempuan. Seramai 15 orang responden lelaki dan 14 orang responden perempuan yang memperolehi gred C. Ada pun untuk gred D, bilangan responden lelaki yang memperolehinya adalah 8 orang dan responden perempuan 4 orang sahaja. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat satu persamaan di antara responden lelaki dan perempuan iaitu, tiada seorang pun di kalangan kedua-dua mereka mendapat gred E atau gagal dalam ujian kemahiran mendengar bahasa Arab.

#### 4.2.1 Tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.


Tahap penguasaan	Jumlah	Peratusan
Cemerlang	1	1.3 %
Sederhana	67	83.8 %
Lemah	12	15 %

$n = 80$

Jadual 4.1.9 : Tahap penguasaan, jumlah dan peratusan kemahiran mendengar bahasa Arab.

Jadual 4.1.9 di atas, adalah catatan berkenaan skor jumlah dan peratusan untuk tiga tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab yang berbeza dalam kalangan responden kajian. Data kajian menunjukkan bahawa hanya seorang sahaja iaitu 1.3% daripada

kalangan lapan puluh orang responden yang memperolehi tahap penguasaan yang cemerlang dalam kemahiran mendengar bahasa Arab. Majoriti daripada kalangan responden iaitu 83.8 % atau seramai 67 orang hanya memperolehi tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab yang sederhana sahaja. Manakala, responden yang berkedudukan pada tahap penguasaan yang lemah adalah berjumlah 12 orang atau 15%.



Rajah 4.1.5 : Tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab responden lelaki dan perempuan.

Rajah 4.1.5 di atas, adalah berkenaan perbezaan tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan responden lelaki dan perempuan. Berdasarkan data kajian yang diperolehi, ianya memperlihatkan perbezaan yang ketara di antara responden lelaki dan responden perempuan dalam penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab. Bagi tahap penguasaan yang cemerlang, data menunjukkan bahawa ianya dikuasai oleh responden perempuan. Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa tiada seorang pun daripada kalangan responden lelaki yang memperolehi penguasaan yang cemerlang dalam kemahiran mendengar bahasa Arab.

Walau bagaimanapun, penguasaan bagi majoriti daripada kalangan responden lelaki iaitu seramai 32 orang adalah pada tahap sederhana. Akan tetapi, bilangan responden lelaki yang menguasai tahap penguasaan ini sebenarnya lebih sedikit berbanding dengan responden perempuan. Ini kerana, bilangan responden perempuan yang memperolehi tahap penguasaan yang sederhana adalah seramai 35 orang. Manakala, untuk tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab yang lemah pula, data kajian menunjukkan ramai dalam kalangan responden lelaki yang berkedudukan pada tahap yang rendah dan mereka adalah seramai 8 orang. Ada pun, bagi responden perempuan hanya segelintir sahaja iaitu 4 orang yang mencatatkan penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab yang lemah.

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa, penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab sebahagian besar daripada lapan puluh orang responden kajian adalah pada tahap yang sederhana sahaja. Dari sudut perbandingan tahap penguasaan di antara responden lelaki dan responden perempuan pula, data menunjukkan ada perbezaan penguasaan yang ketara di antara mereka yang mana, responden perempuan lebih menyerlah berbanding responden lelaki. Kecerlangan responden perempuan dalam ujian kemahiran mendengar bahasa Arab ini, sememangnya dijangka kerana mereka sentiasa peka dan optimis dalam melakukan sebarang pengujian akademik. Di samping itu, banyak kajian-kajian lain yang membuktikan bahawa golongan perempuan lebih cemerlang berbanding golongan lelaki dalam aktiviti-aktiviti akademik.

#### **4.2.2 Penguasaan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab.**

Secara umumnya, kaedah penilaian skor min untuk setiap aras soalan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab adalah berbeza dengan kaedah penilaian skor min untuk strategi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab. Ini kerana, skor min untuk setiap aras

soalan tersebut akan dianggap tinggi sekiranya nilai skornya banyak dan ianya juga menunjukkan ramai dalam kalangan responden kajian yang boleh menjawab aras soalan ujian tersebut. Sekiranya nilai skor minnya sedikit pula, maka ianya dianggap tidak ramai dalam kalangan responden yang boleh menjawab aras soalan ujian itu.

Aras soalan	Skor min	Sisihan piawai
Pengetahuan	3.29	1.034
Pemahaman	1.54	1.292
Aplikasi	4.37	0.786
Analisis	3.14	1.052
Sintesis	2.40	1.086

$n = 80$


Jadual 4.2 : Skor min dan sisihan piawai aras soalan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab.

Jadual 4.2 di atas adalah merupakan data bagi skor min serta sisihan piawai untuk setiap aras soalan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab. Skor penuh bagi setiap aras soalan ini adalah 5.00. Penentuan skor penuh ini adalah merujuk kepada kebolehan responden menjawab 5 subsoalan yang terdapat pada setiap aras soalan. Berdasarkan jadual tersebut, aras soalan pemahaman mencatatkan skor min yang paling rendah iaitu skor minnya adalah 1.54 dan sisihan piawainya 1.292. Skor min kedua terendah pula adalah aras soalan sintesis iaitu skor minnya adalah 2.40 dan sisihan piawainya 1.086. Terdapat tiga aras soalan ujian yang mencatatkan skor min yang tinggi dan melebihi daripada 3.0. Ketiga-tiga aras soalan tersebut adalah aplikasi, pengetahuan dan analisis. Aras soalan aplikasi mencatatkan skor min yang paling tinggi iaitu 4.37 dan sisihan piawainya 0.786. Skor min aras soalan pengetahuan pula adalah skor min kedua tertinggi iaitu 3.29 dan sisihan piawainya 1.034.

Manakala, skor min bagi aras soalan analisis adalah merupakan skor min yang ketiga tertinggi iaitu 3.14 dan sisihan piawainya 1.052.

#### 4.2.2.1 Penguasaan aras pengetahuan.

Soalan-soalan untuk aras pengetahuan adalah lebih tertumpu kepada soalan untuk menguji pengetahuan responden berkenaan perbezaan huruf-huruf yang terdapat di dalam bahasa Arab. Sebagaimana yang sedia maklum, huruf-huruf bahasa Arab adalah perkara yang paling asas dan utama di dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa huruf yang mempunyai bunyi yang seakan-akan sama akan tetapi, pada hakikat ianya adalah huruf-huruf yang berbeza. Oleh itu, pengetahuan berkenaan perbezaan bunyi huruf diuji pada aras ini dengan memberikan empat jawapan yang sama tetapi dalam sebutan yang berbeza.



Rajah 4.1.6 : Taburan skor kekerapan untuk aras pengetahuan.

Rajah 4.1.6 di atas, memaparkan taburan skor kekerapan responden yang boleh menjawab untuk setiap soalan di dalam aras pengetahuan. Data dalam rajah tersebut menunjukkan,

lebih daripada separuh dalam kalangan responden kajian yang dapat menjawab soalan kedua, keempat dan kelima. Ini bermaksud, responden boleh membezakan diantara huruf طاء (ط) dengan huruf تاء (ت), huruf أَلَيْف (أ) dengan huruf عَيْن (ع), huruf دال (د) dengan huruf ضاء (ض), huruf قاف (ق) dengan huruf كاف (ك) dan huruf صاد (ص) dengan huruf سَيْن (س).

Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian besar dalam kalangan responden kajian yang tidak dapat membezakan diantara huruf صاد (ص) dengan huruf ثاء (ث), huruf زاي (ز) dengan huruf ذاي (ذ) dan huruf حاء (ح) dengan huruf هاء (ه). Kelemahan responden ini dapat dikesan, kerana sebahagian besar daripada mereka tidak boleh menjawab soalan yang pertama dan ketiga. Namun begitu, kelemahan tersebut sememangnya tidak dapat menafikan penguasaan kemahiran mendengar responden yang sangat baik dan memuaskan untuk soalan aras pengetahuan ini. Dua buah jadual di bawah iaitu jadual 4.2.1 dan jadual 4.2.2 dibentuk untuk memberikan gambaran yang jelas berkenaan perkara-perkara yang telah dibincangkan di atas.

Huruf-huruf bahasa Arab		
1.	ط ←→ ت	
2.	ز ←→ ذ	
3.	ح ←→ ه	

Jadual 4.2.1: Huruf-huruf bahasa Arab yang tidak boleh dibezakan oleh responden kajian.




Huruf-huruf bahasa Arab		
1.	ص ←→ ث	
2.	أ ←→ ع	
3.	د ←→ ض	
4.	ق ←→ ك	
5.	ص ←→ س	

Jadual 4.2.2 : Huruf-huruf bahasa Arab yang boleh dibezakan oleh responden kajian.

#### 4.2.2.2 Penguasaan aras kefahaman.

Soalan-soalan yang dibina dalam aras kefahaman adalah untuk melihat penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab responden kajian khususnya, kefahaman mereka berkenaan perkataan atau lexis bahasa Arab. Kefahaman kemahiran mendengar terhadap dua perkara ini dinilai kerana ianya merupakan asas yang sangat penting dalam pembelajaran bahasa Arab selepas pengetahuan berkenaan huruf-huruf bahasa Arab. Soalan aras ini lebih menjurus kepada pemilihan perkataan yang sinonim atau seerti. Kaedah ini sebenarnya, dapat membantu dalam menguji serta memberi gambaran berkenaan penguasaan pembendaharaan kata bahasa Arab yang dimiliki oleh responden.




Rajah 4.1.7 : Taburan skor kekerapan untuk aras kefahaman.

Rajah 4.1.7 di atas menunjukkan taburan skor kekerapan responden kajian yang dapat menjawab bagi setiap soalan di dalam aras kefahaman. Sekiranya diamati rajah tersebut, didapati hanya segelintir sahaja daripada lapan puluh orang responden yang dapat menjawab soalan-soalan di dalam aras ini. Di antara kelima-lima soalan di dalam rajah di atas, soalan yang pertama dan keempat sahaja yang mencatatkan skor kekerapan responden yang melebihi tiga puluh orang dan masing-masing adalah seramai 35 orang untuk soalan pertama dan 30 orang untuk soalan keempat. Bagi soalan yang ketiga dan kelima pula, skor kekerapan responden yang boleh menjawab adalah paling sedikit berbanding soalan-soalan yang lain. Skor kekerapan untuk soalan ketiga hanya mencatatkan 19 orang. Manakala, skor kekerapan untuk soalan kelima hanya 15 orang sahaja.

Oleh yang demikian, hasil daripada dapatan ini dapat disimpulkan bahawa penguasaan kemahiran mendengar responden kajian terhadap perkataan atau lexis bahasa Arab sangat lemah. Disamping itu, keadaan ini juga menunjukkan bahawa pembendaharaan kata bahasa Arab yang dimiliki oleh mereka sangat sedikit dan terhad.

#### 4.2.2.3 Penguasaan aras aplikasi.

Bagi aras aplikasi, soalan-soalan yang dibina adalah lebih berfokuskan kepada penyesuaian yang sesuai kepada ayat sapaan dan ayat aluan dalam bahasa Arab yang telah ditetapkan. Dengan kata lain juga, ayat sapaan dan ayat aluan ini ditentukan di dalam aras aplikasi kerana, ingin melihat penguasaan pelajar dalam mengaplikasikan konteks ayat sapaan dan ayat aluan mengikut respon yang betul. Kesukaran soalan-soalan pada aras ini adalah lebih tinggi berbanding dengan soalan-soalan dari aras pengetahuan dan pemahaman. Ini kerana, soalan kedua-dua aras ini lebih tertumpu kepada elemen asas dalam bahasa Arab. Manakala, soalan dalam aras aplikasi pula, lebih menekankan kepada keupayaan penerapan sesuatu konsep dan prinsip mengikut konteks.



Rajah 4.1.8 : Taburan skor kekerapan untuk aras aplikasi.

Rajah 4.1.8 di atas, mengandungi data skor kekerapan responden yang berjaya menjawab lima soalan di dalam aras aplikasi. Hasil dapatan menunjukkan, majoriti daripada kalangan responden kajian mempunyai kebolehan dalam menjawab kelima-lima soalan di dalam aras ini. Soalan kedua dan ketiga adalah soalan yang mempunyai skor kekerapan yang paling

tinggi. Masing-masing mencatatkan skor seramai 75 orang dan 78 orang. Rentetan daripada ini, dapat disimpulkan bahawa responden kajian mampu mengaplikasikan konsep dan maklumat dalam situasi ayat sapaan “كَيْفَ حَالُكَ؟” (*kaif hāluk*) dan “وَأِلَى اللِّقَاءِ” (*wailā al-liqāa*).

Di samping itu, data dalam rajah 4.1.9 juga menunjukkan bahawa hanya 54 orang sahaja di kalangan responden yang boleh menjawab soalan yang pertama iaitu berkenaan frasa ayat “تَفَضَّلْ يَا صَدِيقِي” (*tafaddhol yā sadiqī*). Manakala, bagi soalan keempat dan kelima skor responden yang boleh menjawab soalan tersebut sangat memuaskan dan skor untuk kedua-dua soalan tersebut adalah melebihi daripada 80% jumlah responden.


Walaupun bagaimanapun, jika dibandingkan dengan skor kekerapan untuk soalan-soalan dari aras pengetahuan dan pemahaman, didapati responden lebih menyerlah dan mampu menjawab soalan-soalan daripada aras aplikasi. Pada pendapat pengkaji, walaupun kesukaran aras aplikasi lebih tinggi sedikit berbanding dua aras yang terdahulu, pengkaji percaya bahawa persekitaran pembelajaran dan juga kekerapan penggunaan sesuatu bahasa sasaran mampu membantu penuturnya dalam mengaplikasikan pengetahuan yang sedia ada dengan sesuatu konteks dan keadaan.

Seperti mana yang dimaklumkan sebentar tadi, soalan-soalan pada aras aplikasi adalah soalan sapaan dan ayat aluan serta mempunyai banyak hubungan dengan persekitaran luar. Oleh itu, tidak menjadi satu masalah untuk responden menjawab soalan pada aras ini sekiranya mereka kerap mempraktikkan bahasa Arab secara terbuka dan berhubung dengan individu lain.

#### 4.2.2.4 Penguasaan aras analisis.

Soalan-soalan yang terkandung di dalam aras analisis adalah lebih menekankan kepada mengenalpasti unsur-unsur dan pertalian dalam sesuatu struktur ayat yang kompleks. Pecahan-pecahan dalam sesuatu struktur ayat perlu dibuat untuk dinilai dan ianya boleh memberi jawapan kepada persoalan yang timbul sekiranya, pecahan-pecahan tersebut dikaitkan di antara satu sama lain bersama-sama dengan bukti, teori atau hukum.

Oleh demikian, soalan-soalan dalam aras ini dibentuk untuk menguji pemikiran responden kajian dalam mengenalpasti kesalahan tatabahasa di dalam struktur ayat bahasa Arab. Ini kerana, setiap perkataan di dalam ayat bahasa Arab mempunyai perkaitan dan setiap perkaitan itu mempunyai alasan serta hukum tatabahasanya yang tersendiri.



Rajah 4.1.9 : Taburan skor kekerapan untuk aras analisis.

Rajah 4.1.9 di atas, adalah berkenaan data skor kekerapan responden kajian yang boleh menjawab soalan-soalan pada aras analisis. Data menunjukkan, ramai dalam kalangan responden iaitu seramai 65 orang yang mampu menjawab soalan kelima. Ini membuktikan

bahawa majoriti responden tidak mempunyai masalah dalam mengenalpasti tiada kesalahan di dalam ayat “يَرْعَىٰ مُحَمَّدٌ سَبْعَةَ عَشَرَ غَنَمًا” (*yar‘ā muḥammad sab‘att ‘aṣyar ghanaman*).

Bagi soalan ketiga dan keempat pula, rajah memperlihatkan bahawa lebih daripada lima puluh orang responden masih lagi berkemampuan untuk menganalisis kedua-dua soalan ini. Ayat untuk soalan ketiga adalah “دَخَلَ الطُّلَابُ فِي الْفَصْلِ ثُمَّ الْمُدَرِّسُ” (*dakhola at-tullāb fī al-faṣl thum al-mudarris*) manakala, ayat untuk soalan keempat adalah “أَسَلِّمُ وَالِدَتِي الَّذِي فِي الْمَطْبَخِ” (*usallim wālidatī al-ladhī fī al-maṭbakh*).

Ayat untuk soalan keempat ini sebenarnya mempunyai kesalahan pada perkataan “الَّذِي” (*al-ladhī*). Ini kerana, perkataan tersebut hanya disesuaikan dengan seorang lelaki. Sedangkan dalam ayat soalan keempat, perkataan sebelum “الَّذِي” (*al-ladhī*) adalah “وَالِدَتِي” (*wālidatī*) dan ianya merujuk kepada seorang perempuan. Seharusnya, perkataan tersebut ditukarkan kepada “الَّتِي” (*al-latī*) dan ayat yang betul adalah “أَسَلِّمُ وَالِدَتِي الَّتِي فِي الْمَطْبَخِ” (*usallimu wālidatī al-latī fī al-maṭbakh*). Oleh demikian, 54 orang responden yang berjaya menjawab soalan keempat ini membuktikan bahawa mereka memahami peraturan dan hukum “إِسْمُ الْمُؤْصُولِ” (*ism al-mawsūl*).

Seterusnya, berkenaan soalan yang pertama. Data menunjukkan bahawa hanya 34 orang responden sahaja yang berjaya menjawab soalan ini dan soalan pertama ini juga mencatatkan skor kekerapan responden yang paling rendah dan kurang daripada separuh

berbanding dengan soalan-soalan pada aras analisis yang lain. Keadaan ini berlaku kerana ramai di kalangan responden kajian yang tidak memahami dan keliru berkenaan hukum “مَفْعُولٌ بِهِ” (*maf’ul bih*).

Ayat untuk soalan pertama adalah “يُعَلِّقُ يُوْسُفُ صُورَتَانِ عَلَى الْجِدَارِ” (*yu’alliq yūsuf sūratāni ‘ala al-jidār*). Di dalam ayat ini perkataan “صُورَتَانِ” (*sūratāni*) adalah salah. Ini kerana, perkataan ini berkedudukan “مَفْعُولٌ بِهِ” (*maf’ul bih*). Oleh itu, mengikut hukum atau prinsip “مَفْعُولٌ بِهِ” (*maf’ul bih*), perkataan tersebut perlu ditukar kepada “صُورَتَيْنِ” (*sūrotaini*) dan ayat yang betul adalah “يُعَلِّقُ يُوْسُفُ صُورَتَيْنِ عَلَى الْجِدَارِ” (*yu’alliq yūsuf sūrotaini ‘alā al-jidār*). Secara keseluruhannya, sebahagian daripada responden kajian masih mampu untuk mengaplikasikan hukum dan teori yang dipelajari. Di samping, mereka juga dapat mengenalpasti ayat-ayat yang mempunyai kesalahan di dalam soalan-soalan kemahiran mendengar bahasa Arab untuk aras analisis ini.

#### **4.2.2.5 Penguasaan aras sintesis.**


Soalan-soalan pada aras sintesis adalah merupakan soalan yang berkedudukan paling tinggi berbanding aras-aras yang lain. Ini kerana, soalan tersebut memerlukan ramalan, idea, pandangan atau klasifikasi sendiri berkenaan sesuatu isu atau permasalahan. Beberapa petikan pendek diambil daripada silibus buku bahasa Arab Komunikasi KBSM tingkatan satu dan tingkatan dua untuk menguji kemahiran mendengar bahasa Arab aras ini kepada responden kajian. Petikan-petikan diambil adalah lebih berkisarkan kepada isu atau fakta yang umum dan mempunyai perkaitan dengan alam sekeliling responden.

Berdasarkan data-data yang diperolehi, keupayaan responden kajian untuk menjawab soalan-soalan dalam aras sintesis adalah sangat lemah. Ini kerana, bagi soalan pertama, bilangan responden yang boleh menjawabnya teramat sedikit iaitu 12 orang sahaja. Begitu juga, dengan soalan ketiga yang mana, hanya terdapat 21 orang responden sahaja yang mampu menjawab soalan ini. Walau bagaimanapun, masih terdapat dua soalan yang mencatatkan skor kekerapan lingkungan separuh daripada jumlah responden. Masing-masing adalah soalan kedua iaitu seramai 46 orang dan soalan kelima iaitu seramai 49 orang. Bagi soalan keempat pula, data menunjukkan ramai dalam kalangan responden iaitu 64 orang yang berupaya menjawab soalan ini.

Jika dilihat kepada skor kekerapan responden yang boleh menjawab soalan keempat dan kelima didapati, skor kekerapan bagi kedua-duanya adalah tinggi berbanding tiga soalan yang lain. Pada pandangan kajian ini, kebolehan ramai responden menjawab kedua-dua soalan itu adalah kerana kandungan atau isu petikan pendek tersebut. Bagi soalan keempat kandungannya adalah berkenaan menara Kuala Lumpur. Manakala, soalan kelima, kandungannya adalah berkenaan bendera Malaysia.

Oleh yang demikian, isu berkenaan menara Kuala Lumpur dan bendera Malaysia adalah perkara yang umum dan seharusnya setiap pelajar mengetahui mengenainya. Di samping itu, dengan adanya pengetahuan dan maklumat yang mendalam maka, memudahkan responden untuk membuat ramalan atau pandangan berkenaan dua isu tersebut. Rajah 4.2 di sebelah, memberi penjelasan yang jelas berkenaan skor kekerapan responden untuk aras sintesis yang dibincangkan sebentar tadi.





Rajah 4.2 : Taburan skor kekerapan untuk aras sintesis.

### 4.3 Jumlah responden dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.

Di dalam bahagian B untuk borang soal selidik, dikemukakan sebanyak sepuluh item soalan-soalan berkenaan jumlah responden dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab. Walau bagaimanapun, sepuluh item soalan-soalan tersebut dianalisis mengikut dua kategori yang telah ditetapkan iaitu kategori sendiri dan kategori sosial.

#### 4.3.1 Kategori sendiri.

Item-item soalan bagi kategori sendiri ini adalah soalan-soalan yang lebih tertumpu kepada strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab yang dilakukan secara individual, persendirian atau inisiatif diri sendiri.

Item	Strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab	Tinggi		Sederhana		Rendah	
		L	P	L	P	L	P
b1	Saya kerap membuat latihan mendengar bahasa Arab.	16 40 %	14 35 %	13 32.5 %	20 50 %	11 27.5 %	6 15 %
b2	Saya membuat latihan mendengar dengan mendengar kaset bahasa Arab.	9 22.5 %	11 27 %	16 40 %	13 32.5 %	15 37.5 %	16 40 %
b3	Saya membuat latihan mendengar dengan menonton filem, video dan VCD bahasa Arab.	4 10 %	12 30 %	19 47.5 %	17 42.5 %	17 42.5 %	11 27.5 %
b8	Saya akan membuat ringkasan daripada maklumat berkenaan dengan bahasa Arab yang saya dengar dalam bahasa Arab	21 57 %	25 62.5 %	14 35 %	12 30 %	5 12.5 %	3 7.5 %
b9	Saya akan hubungkan perkataan baru bahasa Arab yang saya dengar dengan gambaran perkataan tersebut, supaya saya dapat mengingatnya.	16 40 %	23 57.5 %	13 32.5 %	10 25 %	11 27.5 %	7 17.5 %
b10	Apabila saya mendengar perkataan bahasa Arab yang baru, saya akan berlatih menyebutnya semula	27 67.5 %	33 82.5 %	9 22.5 %	4 10 %	4 10 %	3 7.5 %

*n* = 80

Jadual 4.2.3 : Taburan jumlah dan peratusan responden dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar untuk kataegori sendiri.

Jadual 4.2.3 di sebelah menjelaskan berkenaan taburan jumlah dan peratusan kalangan responden kajian dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bagi kategori sendiri. Sebanyak enam soalan ditanya untuk mengenalpasti tahap penggunaan strategi responden dalam kategori ini. Hasil dapatan menunjukkan, item b10 adalah strategi pembelajaran kemahiran mendengar yang paling tinggi digunakan oleh responden iaitu seramai 60 orang responden.

Di samping itu juga, terdapat seramai 46 orang responden yang bersetuju dengan item b8. Strategi pembelajaran kemahiran mendengar untuk item b8 ini adalah merupakan strategi yang kedua paling tertinggi kegunaannya selepas item b10. Berkenaan dengan item b2 pula, didapati item ini merupakan strategi pembelajaran kemahiran mendengar yang paling rendah dan kurang dipraktikkan oleh responden. Mengikut jadual diatas, seramai 31 orang responden yang tidak bersetuju dengan item atau strategi jenis ini.

Sekiranya kekerapan penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar untuk kategori sendiri dilihat pada sudut perbezaan jantina, didapati responden lelaki lebih gemar menggunakan strategi item b8 dan b10 berbanding dengan strategi item b3. Manakala, bagi responden perempuan pula strategi item b8, b9 dan b10 merupakan strategi-strategi yang menjadi pilihan untuk dipraktikkan berbanding strategi item b2 .

#### **4.3.2 Kategori sosial.**

Item-item soalan bagi kategori sosial ini adalah soalan-soalan yang lebih tertumpu kepada strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab yang dilakukan hasil interaksi dan juga dengan bantuan daripada individu sekeliling.

Item	Strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab	Tinggi		Sederhana		Rendah	
		L	P	L	P	L	P
b4	Saya memberi sepenuh perhatian ketika seseorang bercakap dalam bahasa Arab.	27 67.5 %	27 67.5 %	10 25 %	10 25 %	3 7.5 %	3 7.5 %
b5	Apabila saya tidak memahami sesuatu perkara yang diucapkan dalam bahasa Arab, saya akan meminta mengulangnya semula.	25 62.5 %	32 80 %	14 35 %	8 20 %	1 2.5 %	0 0 %
b6	Jika saya mendengar perkataan yang saya tidak faham, saya akan bertanya kepada guru.	29 72.5 %	37 85 %	8 20 %	3 7.5 %	0 0 %	0 0 %
b7	Jika saya mendengar perkataan yang saya tidak faham, saya akan bertanya kepada rakan-rakan.	30 75 %	37 92.5 %	8 20 %	3 7.5 %	2 5 %	0 0 %

Jadual 4.2.4 : Taburan jumlah dan peratusan penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar untuk kataegori sosial.

Seperti mana yang dipaparkan dalam Jadual 4.2.4 di atas, sebanyak empat item yang disoal untuk mengetahui tahap penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bagi kategori sosial di kalangan responden kajian. Daripada empat item tersebut, item b7 dan b6 adalah strategi penguasaan kemahiran mendengar untuk kategori ini yang paling tinggi kegunaannya iaitu seramai 67 dan 66 orang responden. Manakala, item b5 adalah penggunaan strategi yang sederhana dan item b4 adalah strategi yang paling rendah atau kurang penggunaannya.

Bagi responden lelaki, strategi item b5 adalah strategi penguasaan kemahiran mendengar yang kurang diminati iaitu 62.5 % atau 25 orang responden sahaja dan strategi item b7

adalah strategi yang menjadi pilihan mereka iaitu seramai 75 % atau 30 orang. Walau bagaimanapun, berbeza pula dengan responden perempuan yang mana, mereka kurang menggemari strategi item b4. Ini kerana, data dalam jadual 4.1.9 menunjukkan hanya terdapat 67.5 % atau 27 orang sahaja daripada kalangan mereka yang bersetuju dengan strategi item b4 ini. Akan tetapi, strategi b6 dan b7 adalah strategi penguasaan kemahiran mendengar yang paling digemari dan kerap diamalkan oleh mereka. Masing-masing mencatatkan skor kekerapan yang sama iaitu seramai 92.5 % atau 37 orang.

#### 4.2.3 Perbandingan di antara kategori sendiri dan kategori sosial.

Kategori	Item	Skor Min	Sisihan Piawai
<b>Kendiri</b>	b1	2.79	0.837
	b2	3.17	1.053
	b3	3.25	0.935
	b8	2.40	0.880
	b9	2.61	1.013
	b10	2.09	0.874
<b>Sosial</b>	b4	2.15	0.887
	b5	2.06	0.801
	b6	1.91	0.814
	b7	1.80	0.770
<b>Purata skor min</b>		<b>2.42</b>	<b>0.570</b>

$n = 80$

Jadual 4.2.5 : Skor min dan sisihan piawai strategi penguasaan kemahiran mendengar dalam kalangan responden.

<b>Tahap Penggunaan</b>	<b>Item</b>	<b>Skor min</b>
<b>Tinggi</b>	b7	1.80
	b6	1.91
	b5	2.06
	b10	2.09
	b4	2.15
	b8	2.40
<b>Sederhana</b>	b9	2.61
	b1	2.79
	b2	3.17
	b3	3.25

Jadual 4.2.6 : Tahap penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar dalam kalangan responden.

Jadual 4.2.5 dan 4.2.6 di atas adalah catatan berkenaan skor min serta tahap penggunaan untuk strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan responden kajian mengikut cadangan yang dikemukakan oleh Oxford dan Burry-Stock (1995). Sebagai mana yang telah diperjelaskan dalam bab ketiga iaitu bab metodologi kajian, skor min bagi strategi ini dinilai berdasarkan semakin kecil skor min, semakin tinggi penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan responden. Sekiranya, skor min yang diperolehi besar nilainya maka, ia menunjukkan bahawa responden kajian kurang dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.

Oleh demikian, hasil data yang telah dianalisis dalam jadual 4.2.5 dan 4.2.6 membuktikan bahawa, skor min untuk strategi penguasaan kemahiran mendengar yang paling tinggi adalah strategi item b7 dan b6. Strategi item b7 mencatatkan skor min 1.80 dan sisihan piawainya adalah 0.770. Ada pun, strategi item b6 mencatatkan skor min 1.91 dan sisihan

piawainya adalah 0.814. Kedua-dua item tersebut adalah merupakan strategi daripada kategori sosial.

Manakala, strategi item b3 dan b2 adalah strategi yang paling kurang penggunaannya dalam kalangan responden kajian berbanding dengan strategi-strategi yang lain. Kedua-dua strategi tersebut mencatat skor min 3.25 dengan sisihan piawainya 0.935 dan skor min 3.17 dengan sisihan piawainya 1.053. Walaupun, strategi item b3 dan b2 mencatatkan skor min yang paling rendah, kedua-dua strategi ini masih lagi dilabelkan sebagai penggunaan strategi yang sederhana dalam kalangan responden. Jika sebentar tadi, kedua-dua strategi yang mencatatkan skor min paling tinggi adalah daripada strategi kategori sosial, skor min yang paling rendah ini pula didapati adalah dua strategi daripada kategori sendiri.

Secara keseluruhannya, purata skor min untuk strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan responden kajian adalah 2.42 dan sisihan piawainya 0.570. Ini menunjukkan bahawa, penggunaan strategi pembelajaran kemahiran mendengar di kalangan responden adalah tinggi dan responden kajian lebih cenderung menggunakan strategi-strategi pembelajaran kemahiran mendengar yang bersifat terbuka kepada persekitaran dan interaksi secara langsung.

#### 4.4 Jumlah responden yang berbeza tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar.

Terdapat dua kategori yang terkandung dalam borang soal selidik berkenaan strategi penguasaan kemahiran bahasa Arab iaitu kategori sendiri dan juga kategori sosial. Daripada data yang diperolehi daripada responden kajian, hasil dapatan telah menunjukkan jumlah penggunaan yang berbeza di antara kategori sendiri dan kategori sosial dalam kalangan responden yang mempunyai tiga peringkat tahap penguasaan kemahiran mendengar yang berlainan. Penerangan yang jelas berkenaan kedua-dua kategori tersebut akan dijelaskan dalam dua sub item di bawah.

##### 4.4.1 Kategori sendiri.

Kategori	Item	Tahap penguasaan	Strategi penguasaan kemahiran mendengar		
			Tinggi	Sederhana	Rendah
Kendiri	b1	Cemerlang	0 (0 %)	1 (100 %)	0 (0 %)
		Sederhana	28 (41.8 %)	26 (38.8 %)	13 (19.4 %)
		Lemah	2 (16.7 %)	6 (50 %)	4 (33.3 %)
	b2	Cemerlang	0 (0 %)	1 (100 %)	0 (0 %)
		Sederhana	16 (23.9 %)	25 (37.3 %)	26 (38.8 %)
		Lemah	4 (33.3 %)	3 (25.3 %)	5 (41.6 %)
	b3	Cemerlang	1 (100 %)	0 (0 %)	0 (0 %)
		Sederhana	14 (20.9 %)	31 (46.3 %)	22 (33.5 %)
		Lemah	1 (8.3 %)	5 (41.7 %)	6 (50 %)
	b8	Cemerlang	1 (100 %)	0 (0 %)	0 (0 %)
		Sederhana	40 (59.7 %)	22 (32.8 %)	5 (7.5 %)
		Lemah	5 (41.7 %)	4 (33.3 %)	8 (10.1 %)



	Cemerlang	1 (100 %)	0 (0 %)	0 (0 %)
b9	Sederhana	37 (55.2 %)	19 (28.4 %)	10 (14.9 %)
	Lemah	1 (8.3 %)	4 (33.3 %)	7 (58.3 %)
	Cemerlang	0 (0 %)	1 (100 %)	0 (0 %)
b10	Sederhana	53 (79.1 %)	10 (14.9 %)	4 (6 %)
	Lemah	7 (58.3 %)	2 (16.7 %)	3 (25 %)

$n = 80$

Jadual 4.2.7 : Jumlah responden mengikut tahap penguasaan kemahiran mendengar dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar kategori sendiri.

Jadual 4.2.7 di sebelah, adalah berkenaan data jumlah responden dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar kategori sendiri mengikut tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab. Daripada data yang diperolehi tersebut, didapati responden yang mempunyai tahap penguasaan yang cemerlang, lebih gemar menggunakan strategi item b3, b8 dan b9. Ada pun, strategi item-item lain seperti b1, b2, dan b10 penggunaannya adalah pada tahap yang sederhana.

Bagi kebanyakan responden yang mempunyai penguasaan yang sederhana pula, mereka kerap menggunakan strategi item b8, b9 dan b10. Di samping itu, data di dalam jadual di atas juga menunjukkan bahawa, penggunaan golongan responden ini bagi strategi item b3 adalah sederhana dan untuk strategi item b2 penggunaannya pula adalah rendah. Manakala, bagi majoriti kalangan responden yang mempunyai penguasaan yang lemah, di dapati mereka suka menggunakan strategi item b10 sahaja. Untuk strategi item-item lain, didapati tahap penggunaannya adalah sangat rendah.

Oleh demikian, dapat disimpulkan disini bahawa jumlah penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab kategori sendiri di antara golongan responden yang mempunyai tahap penguasaan cemerlang, sederhana dan lemah adalah sangat berbeza. Ini kerana, golongan cemerlang dan sederhana banyak mempraktikkan strategi-strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab kategori ini berbanding dengan golongan lemah yang mana, mereka ini kurang dan tidak mengamalkan strategi-strategi tersebut.

#### 4.4.2 Kategori sosial.

Kategori	Item	Tahap penguasaan	Strategi penguasaan kemahiran mendengar		
			Tinggi	Sederhana	Rendah
Sosial	b4	Cemerlang	0 (0 %)	1 (100 %)	0 (0 %)
		Sederhana	49 (73.2 %)	14 (20.9 %)	4 (6 %)
		Lemah	5 (41.7 %)	5 (41.7 %)	2 (16.7 %)
	b5	Cemerlang	1 (100 %)	0 (0 %)	0 (0 %)
		Sederhana	52 (77.6 %)	14 (20.9 %)	1 (1.5 %)
		Lemah	4 (33.4 %)	8 (66.7 %)	0 (0 %)
	b6	Cemerlang	1 (100 %)	0 (0 %)	0 (0 %)
		Sederhana	58 (86.5 %)	8 (11.9 %)	1 (1.5 %)
		Lemah	7 (58.3 %)	3 (25 %)	2 (16.7 %)
	b7	Cemerlang	1 (100 %)	0 (0 %)	0 (0 %)
		Sederhana	57 (85.1 %)	8 (11.9 %)	2 (3 %)
		Lemah	9 (75 %)	3 (25 %)	0 (0 %)

Jadual 4.2.8: Jumlah responden mengikut tahap penguasaan kemahiran mendengar dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar kategori sosial .

Jadual 4.2.8 di sebelah, adalah berkenaan dapatan bagi jumlah responden dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar untuk kategori sosial mengikut tahap-tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab. Daripada empat strategi yang terdapat dalam kategori sosial, didapati responden yang mempunyai tahap penguasaan yang cemerlang kerap menggunakan strategi item b5, b6 dan b7. Ada pun, bagi strategi item b4 penggunaannya adalah sederhana sahaja.

Manakala, bagi responden yang memiliki penguasaan yang sederhana dalam ujian kemahiran mendengar bahasa Arab didapati, majoriti daripada kalangan mereka ini menggunakan semua strategi di dalam kategori sosial iaitu item b4, b5, b6 dan b7 pada tahap penggunaan yang tinggi. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa, responden yang berkedudukan pada tahap lemah dalam penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab, hanya menggunakan dua strategi sahaja daripada empat strategi di dalam kategori sosial ini sebagai penggunaan strategi yang tinggi iaitu item b6 dan b7. Untuk dua strategi yang selebihnya, iaitu item b4 dan b5, penggunaannya dalam kalangan responden tahap ini adalah sederhana.

Konklusi yang dapat dibuat disini adalah, responden yang mempunyai penguasaan cemerlang sentiasa menjadikan guru serta rakan-rakannya sebagai tempat rujukan sekiranya responden ini ada mempunyai masalah dalam bahasa Arab. Di samping itu juga, mereka ini gemar mencatat nota berkenaan maklumat bahasa Arab yang didengari. Sama ada ianya, adalah berkenaan maklumat baru yang boleh diaplikasikan dalam pembelajaran atau pun disebabkan tidak memahami maksud sesuatu perkataan atau ayat bahasa Arab yang didengari. Bagi golongan responden yang mempunyai tahap penguasaan yang sederhana pula, didapati ramai di kalangan mereka ini menggunakan strategi sebagaimana

strategi yang digunakan oleh responden cemerlang. Akan tetapi, mereka juga sering peka dan memberi sepenuh perhatian kepada individu lain yang sedang bercakap dalam bahasa Arab.

Ada pun, bagi responden yang memiliki tahap penguasaan yang lemah, didapati mereka ini lebih sukakan berinteraksi dan bertanya berkenaan masalah bahasa Arab dengan guru dan rakan-rakan mereka sahaja. Ini mungkin kerana, responden lemah ini lebih selesa berkongsi dan berinteraksi dengan individu yang rapat dengan mereka seperti guru-guru dan rakan-rakan mereka. Atau pun, berkemungkinan mereka ini tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk terlibat atau berdepan dengan orang luar sepertimana responden yang cemerlang dan juga responden yang sederhana.

#### 4.5 Jumlah responden mengikut tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam penggunaan keseluruhan strategi penguasaan kemahiran mendengar

Item	Tahap penguasaan	Strategi penguasaan kemahiran mendengar		
		Tinggi	Sederhana	Rendah
b1	Cemerlang	0 (0 %)	1 (100 %)	0 (0 %)
	Sederhana	28 (41.8 %)	26 (38.8 %)	13 (19.4 %)
	Lemah	2 (16.7 %)	6 (50 %)	4 (33.3 %)
b2	Cemerlang	0 (0 %)	1 (100 %)	0 (0 %)
	Sederhana	16 (23.9 %)	25 (37.3 %)	26 (38.8 %)
	Lemah	4 (33.3 %)	3 (25.3 %)	5 (41.6 %)
b3	Cemerlang	1 (100 %)	0 (0 %)	0 (0 %)
	Sederhana	14 (20.9 %)	31 (46.3 %)	22 (33.5 %)
	Lemah	1 (8.3 %)	5 (41.7 %)	6 (50 %)

	Cemerlang	0 (0 %)	1 (100 %)	0 (0 %)
b4	Sederhana	49 (73.2 %)	14 (20.9 %)	4 (6 %)
	Lemah	5 (41.7 %)	5 (41.7 %)	2 (16.7 %)
	Cemerlang	1 (100 %)	0 (0 %)	0 (0 %)
b5	Sederhana	52 (77.6 %)	14 (20.9 %)	1 (1.5 %)
	Lemah	4 (33.4 %)	8 (66.7 %)	0 (0 %)
	Cemerlang	1 (100 %)	0 (0 %)	0 (0 %)
b6	Sederhana	58 (86.5 %)	8 (11.9 %)	1 (1.5 %)
	Lemah	7 (58.3 %)	3 (25 %)	2 (16.7 %)
b7	Cemerlang	1 (100 %)	0 (0 %)	0 (0 %)
	Sederhana	57 (85.1 %)	8 (11.9 %)	2 (3 %)
	Lemah	9 (75 %)	3 (25 %)	0 (0 %)
b8	Cemerlang	1 (100 %)	0 (0 %)	0 (0 %)
	Sederhana	40 (59.7 %)	22 (32.8 %)	5 (7.5 %)
	Lemah	5 (41.7 %)	4 (33.3 %)	8 (10.1 %)
b9	Cemerlang	1 (100 %)	0 (0 %)	0 (0 %)
	Sederhana	37 (55.2 %)	19 (28.4 %)	10 (14.9 %)
	Lemah	1 (8.3 %)	4 (33.3 %)	7 (58.3 %)
b10	Cemerlang	0 (0 %)	1 (100 %)	0 (0 %)
	Sederhana	53 (79.1 %)	10 (14.9 %)	4 (6 %)
	Lemah	7 (58.3 %)	2 (16.7 %)	3 (25 %)

Jadual 4.2.9 : Jumlah responden mengikut tahap penguasaan kemahiran mendengar dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar.

Jadual 4.2.9 di atas adalah, data berkenaan jumlah responden dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab mengikut tiga tahap penguasaan

kemahiran bahasa Arab yang berbeza. Data menunjukkan, responden yang memiliki tahap yang cemerlang, kerap menggunakan strategi item b3, b5, b6, b7, b8 dan b9. Kalangan, responden tahap sederhana pula, kebanyakan mereka kerap menggunakan strategi item b4, b5, b6, b7, b8, b9 dan b10. Manakala, bagi kalangan responden tahap lemah, ramai di antara mereka menggunakan strategi item b6, b7, dan b10.

Hasil keseluruhan dapatan kajian dalam jadual 4.2.7 tersebut membuktikan bahawa, responden yang cemerlang tidak mempunyai kecenderongan kepada mana-mana kategori strategi penguasaan kemahiran mendengar. Ini menunjukkan responden cemerlang ini, akan melakukan dan mempraktikan semua strategi tidak kira sama ada ianya kategori sendiri mahupun kategori sosial asalkan, strategi-strategi tersebut boleh membantu dalam meningkatkan kemahiran mendengar bahasa Arab.

Manakala, bagi responden yang mempunyai penguasaan yang sederhana dan lemah dalam kemahiran mendengar bahasa Arab didapati, kebanyakan mereka lebih gemarkan strategi-strategi penguasaan kemahiran mendengar dalam kategori sosial berbanding dengan kategori sendiri. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan, mereka lebih suka mengamalkan sesuatu strategi secara langsung dan wujudnya bantuan daripada individu-individu sekeliling.

Di samping itu, walau pun responden yang mempunyai penguasaan yang lemah dalam kemahiran mendengar bahasa Arab lebih cenderung kepada strategi kategori sosial akan tetapi, penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar yang mereka amalkan sebenarnya adalah sangat sedikit. Ini adalah merupakan faktor yang menjadi punca kepada kelemahan mereka dalam penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab.

#### **4.6 Penutup**

Secara keseluruhannya, penguasaan responden kajian dalam ujian kemahiran mendengar bahasa Arab adalah pada tahap sederhana dan responden perempuan dilihat lebih menyerlah berbanding responden lelaki. Berkenaan dengan aras taksonomi Bloom pula, dapatan menunjukkan skor min yang paling tinggi adalah aras aplikasi dan aras pengetahuan. Adapun, aras yang mencatatkan skor min paling rendah adalah aras pemahaman dan aras sintesis. Di samping itu, secara keseluruhan penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar di kalangan responden adalah pada tahap yang tinggi. Responden yang mempunyai penguasaan yang cemerlang didapati, gemar mengamalkan strategi-strategi penguasaan kemahiran mendengar yang terdapat dalam kedua-dua kategori iaitu sendiri dan sosial.

Manakala, responden yang mempunyai penguasaan yang sederhana dan lemah, dapatan menunjukkan mereka ini lebih cenderung kepada strategi-strategi penguasaan kemahiran mendengar kategori sosial berbanding kategori sendiri. Walau bagaimanapun, golongan responden yang lemah pada hakikatnya kurang mempraktikkan strategi-strategi kemahiran mendengar dan ianya sedikit-sebanyak memberi kesan kepada penguasaan dalam pengujian kemahiran mendengar bahasa Arab mereka.

## **BAB V**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Bab yang kelima ini adalah merupakan penutup kepada kajian berkenaan penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Dalam bahagian yang terakhir ini, kajian ini akan mengulas beberapa rumusan serta implikasi hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan. Kajian ini juga, akan cuba mengutarakan beberapa cadangan dan pandangan yang mana mungkin, ianya dapat membantu pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam bidang pendidikan seperti pihak sekolah serta guru-guru. Selain itu, cadangan dan pandangan tersebut di harapkan dapat mencetuskan idea untuk dijadikan sebuah kajian yang lain khususnya dalam mengukuhkan penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

#### **5.1 Rumusan kajian**

Berkenaan bahagian rumusan ini, kajian ini akan merumuskan hasil dapatan yang diperolehi kepada empat sub-item. Keempat-empat sub-item ini, adalah rumusan hasil dapatan berkaitan latar belakang responden, penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar, penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dan penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar mengikut tahap penguasaan.

##### **5.1.1 Latar belakang responden**

Daripada hasil dapatan yang diperolehi daripada borang soal selidik yang diedarkan didapati, kebanyakan responden kajian dari Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini ini, mempunyai latar belakang yang seimbang dan tidak ada perbezaan yang sangat ketara di



antara mereka. Ini kerana, dapatan menunjukkan bahawa majoriti daripada kalangan responden mempunyai pertuturan bahasa ibunda yang sama di rumah, tinggal di kawasan luar bandar, taraf pendidikan ibu dan bapa adalah pada peringkat sekolah menengah, pendapatan keluarga pula dianggarkan diperolehi di antara RM1001 hingga RM2000, mempunyai minat dalam pembelajaran bahasa Arab, menuntut di sekolah menengah agama adalah di atas dasar kerelaan diri sendiri dan mempunyai pengalaman serta pengetahuan yang luas berkenaan pembelajaran bahasa Arab iaitu lebih daripada tempoh lima tahun.

### **5.1.2 Penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar**

Selain itu, berkenaan dengan penggunaan keseluruhan strategi penguasaan kemahiran mendengar yang digunakan oleh responden kajian, dapatan kajian menunjukkan penggunaan strategi mereka berada pada tahap skor min yang tinggi dan dapatan ini sebenarnya menyokong kajian yang telah dibuat oleh Vogely (1995). Di samping itu, hasil dapatan ini juga menunjukkan bahawa responden kajian mempunyai kesedaran yang tinggi dalam mempelbagaikan kaedah pembelajaran sekaligus mendidik diri mereka menjadi seorang individu yang bukan sahaja mampu cemerlang dalam sesuatu pembelajaran tetapi juga membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan masyarakat luar. Ini sebenarnya diperakui sendiri oleh Oxford (1990:1) yang mana, beliau berpendapat penggunaan strategi penguasaan akan mengubah bentuk pembelajaran dan diri seseorang individu terutamanya apabila dia berhadapan dengan persekitaran sosial yang sebenar.

Di antara strategi-strategi yang paling kerap diamalkan oleh responden adalah bertanya guru dan rakan-rakan berkenaan perkataan atau ayat yang mereka didengari tetapi tidak memahami maksudnya, memberi sepenuh perhatian ketika penutur sedang bercakap bahasa

Arab dan sekiranya tidak mampu untuk memahami apa yang didengarinya, mereka akan pastikan penutur tersebut mengulanginya semula. Kesemua, strategi-strategi berikut adalah tergolong dalam strategi kategori sosial.

Manakala, bagi strategi yang kurang dipraktikkan oleh responden pula adalah membuat latihan kemahiran mendengar dengan menggunakan bahan bantu berbentuk audio seperti kaset dan bahan bantuan berbentuk audio-visual seperti filem atau video yang berkaitan dengan bahasa Arab. Di samping itu juga, dapatan yang diperolehi membuktikan bahawa responden kurang melakukan latihan-latihan pengukuhan berkaitan dengan kemahiran mendengar. Ini berkemungkinan bahawa responden kajian tidak gemarkan membuat sebarang strategi yang berbentuk pengujian.

Kekerapan kalangan responden perempuan dalam penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar jelas menunjukkan bahawa mereka ini lebih cenderung kepada strategi kategori sosial berbanding kategori sendiri. Di antara strategi kategori sosial dan kategori sendiri yang kerap digunakan oleh responden perempuan adalah membuat catatan berkenaan perkataan bahasa Arab yang baru pertama kali atau tidak faham akan ertinya, yang mana kedua-dua situasi tersebut berlaku disebabkan konten maklumat yang didengari, sentiasa menghubungkan perkataan bahasa Arab yang baru didengari dengan gambaran perkataan dalam minda supaya ianya sentiasa diingati dan difahami, sentiasa berlatih menyebut semula perkataan bahasa Arab yang didengarinya dan kerap berhubung bersama-sama guru-guru atau bertanyakan rakan-rakan apabila mendengar sesuatu perkataan bahasa Arab yang ertinya tidak difahami. Selain itu, strategi yang paling kurang disukai oleh responden perempuan adalah strategi yang terdapat dalam kategori

kendiri iaitu membuat latihan kemahiran mendengar dengan menggunakan bantuan kaset bahasa Arab.

Bagi golongan responden lelaki pula, dapatan menunjukkan bahawa mereka juga sama seperti golongan responden perempuan yang lebih terdorong melakukan strategi penguasaan kemahiran kategori sosial berbanding kategori sendiri. Di antara strategi kategori sosial dan kategori sendiri yang kerap digunakan oleh mereka adalah selalu bertanya guru atau rakan-rakan mereka berkenaan perkataan bahasa Arab yang didengari akan tetapi, tidak difahami maksudnya, kerap memberi perhatian yang sepenuhnya ketika mendengar seseorang bertutur dalam bahasa Arab dan selalu berlatih menyebut semula sesuatu perkataan bahasa Arab yang baru didengari. Manakala, strategi yang kurang di gunakan oleh responden lelaki adalah melakukan latihan kemahiran mendengar menonton filem atau drama yang berkaitan dengan bahasa Arab. Selain itu, kesemua dapatan ini juga, memperlihatkan wujudnya perbezaan dari sudut strategi yang kurang digemari di antara responden lelaki dan responden perempuan. Di mana, responden lelaki kurang mempraktikkan latihan kemahiran mendengar dengan bahan bantuan yang berbentuk audio-visual dan responden perempuan pula tidak menggemari melakukan latihan kemahiran mendengar dengan bahan bantuan yang berbentuk audio.

Rentetan daripada hasil dapatan ini, kajian ini beranggapan responden kajian samada lelaki atau perempuan, mereka ini lebih bergantung kepada bantuan persekitaran sosial. Ini kerana, skor kekerapan penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar yang diperolehi dilihat responden lebih senang berinteraksi secara langsung dan terus. Keadaan ini juga sebenarnya telah diakui oleh dapatan kajian yang diperolehi oleh Khairul dan Halim (2004) iaitu berkenaan sifat pelajar Melayu yang pada umumnya lebih '*field*

*dependent learners'* iaitu kecenderungan untuk melakukan proses pembelajaran secara terpandu, berdampingan, dan berstruktur.

### **5.1.3 Penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab**

Ada pun dari sudut penguasaan responden kajian dalam kemahiran bahasa Arab, dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa pencapaian penguasaan mereka hanyalah pada tahap sederhana sahaja. Dapatan ini sebenarnya menyamai dan mengesahkan dapatan berkenaan penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab yang diperolehi oleh dua kajian terdahulu iaitu kajian daripada Nik Mohd Rahimi (2005) serta kajian daripada Nik Mohd Rahimi, Zamri dan Kamarulzaman (2008).

Di samping itu, dapatan menunjukkan bahawa seorang sahaja daripada lapan puluh orang responden kajian yang memperolehi tahap penguasaan kemahiran mendengar yang cemerlang dan respondennya adalah dari kalangan perempuan. Responden yang memperolehi tahap penguasaan yang sederhana adalah melibatkan majoriti daripada responden iaitu enam puluh tujuh orang. Hasil dapatan juga membuktikan bahawa penguasaan kemahiran mendengar responden perempuan pada tahap ini lebih ramai berbanding responden lelaki. Manakala, bagi tahap penguasaan kemahiran yang lemah responden lelaki mencatatkan skor kekerapan yang lebih ramai berbanding responden perempuan. Secara tidak langsung juga, dapatan tersebut menunjukkan bahawa prestasi responden perempuan lebih baik daripada responden lelaki dan ini diperkuatkan lagi dengan hasil dapatan daripada kajian Zamri (2004) serta kajian Zamri bersama Mohamed Amin (2006).

Berkenaan pencapaian responden kajian dalam menjawab soalan-soalan ujian kemahiran mendengar mendengar bahasa Arab, didapati responden kurang pengetahuan dan juga masih lagi keliru dengan elemen-elemen asas dalam bahasa Arab iaitu huruf-huruf Arab. Di antara huruf –huruf yang menimbulkan kekeliruan di pendengaran kebanyakan responden adalah huruf (ﺹ), (ﺚ) , (ﺝ) , (ﺫ) , (ﺡ) dan (ﻩ). Masalah yang dihadapi oleh responden ini sebenarnya bukanlah isu yang baru. Ini kerana, huruf-huruf tersebut mempunyai bunyi yang seakan-akan sama tapi sebenarnya berbeza dari segi daerah keluar sebutannya. Permasalahan ini sebenarnya telah diperakui berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Nik Mohd Rahimi, Harun dan Zamri (2010) tentang permasalahan ramai pelajar Melayu yang keliru dengan huruf-huruf bahasa Arab yang mempunyai ujaran organ yang hampir sama. Di samping itu, menurut Mohd Rahimi, Harun dan Zamri juga punca kekeliruan pelajar mengenai huruf-huruf bahasa Arab adalah kerana kesan pengaruh yang kuat daripada bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Melayu.

Adapun, penguasaan responden kajian terhadap kemahiran mendengar leksikal bahasa Arab didapati, penguasaan mereka adalah sangat lemah dan keadaan ini menunjukkan bahawa responden mempunyai masalah kekurangan perbendaharaan kata bahasa Arab. Biar pun, leksikal dilihat sesuatu elemen yang mudah, tetapi sebenarnya kekurangan perbendaharaan kata menyukarkan kepada individu untuk memahami maksud yang sebenar bagi perkataan tersebut. Akan tetapi, jika diamati pada hasil dapatan yang diperolehi, didapati kemampuan responden mendengar petikan bahasa Arab lebih baik sedikit daripada kemampuan mereka dalam memahami leksikal bahasa Arab. Walhal, petikan mengandungi banyak leksikal yang mana berkemungkinan, menyukarkan responden untuk memahami kesemua leksikal yang ada dalam petikan tersebut. Walau bagaimanapun,

Brown (1990 :154) ada memberi cadangan berkenaan dengan isu ini. Sekiranya pendengar tidak mengetahui maksud sesuatu perkataan yang didengarinya, beliau mencadangkan agar pendengar membuat andaian dan ramalan berkenaan perkataan tersebut berdasarkan kerangka atau konsep keseluruhan maklumat yang disampaikan oleh penutur. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya responden berkemampuan menjawab soalan aras yang tinggi berbanding soalan aras yang rendah. Pada pendapat kajian ini, responden kajian mungkin membuat ramalan maksud perkataan yang mereka tidak ketahui berdasarkan konteks keseluruhan petikan. Akan tetapi, bagi memahami maksud satu leksikal tunggal yang tidak difahami maksudnya adalah sangat sukar.

Beralih pula kepada data lain yang diperolehi daripada kajian ini, ia menunjukkan bahawa responden kajian tidak mempunyai masalah dalam menguasai kemahiran mendengar ayat berbentuk arahan dan sapaan. Sebagaimana yang sedia maklum, ayat berbentuk arahan dan sapaan pada kebiasaannya banyak melibatkan pengaruh persekitaran sosial. Jika dikaitkan dengan hasil dapatan berkenaan kekerapan penggunaan strategi pembelajaran kemahiran mendengar, didapati responden adalah lebih terdorong kepada kategori sosial. Dengan itu, tidak menjadi satu masalah kepada responden sekiranya mereka mampu menguasai dalam menjawab soalan-soalan yang berkenaan dengan ayat berbentuk arahan dan sapaan.

Di samping itu juga, kemampuan responden mendengar dan menganalisis kesahihan ayat bahasa Arab adalah pada tahap kemampuan yang baik. Ini menunjukkan responden mempunyai pengetahuan serta pemahaman berkenaan tata bahasa Arab. Walau bagaimanapun, di antara lima soalan berkenaan aspek ini yang diuji kepada responden, hasil dapatan yang diperolehi menunjukan, sebahagian daripada mereka masih lemah dan

keliru berkenaan peraturan serta hukum “مَفْعُول بِهِ” (*maf‘ūl bih*) berbanding berkenaan hukum “إِسْمُ الْمَوْضُوعِ” (*ism al-mawsūl*).

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan disini bahawa penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab responden samada dari sudut klausa, ayat dan tatabahasa adalah memuaskan. Manakala, dari sudut leksikal dan petikan pula, penguasaan responden adalah lemah. Rentetan daripada hasil dapatan tersebut juga, menunjukkan bahawa kemampuan responden menjawab soalan-soalan mengikut aras taksonomi Bloom, didapati ianya berkontras dan tidak mencapai dengan urutan aras-aras yang dicadangkan oleh Bloom (1956).

### **5.1.3 Penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar mengikut tahap penguasaan**

Rumusan yang dapat dibuat dari hasil dapatan kajian menunjukkan, responden yang mempunyai tahap penguasaan yang cemerlang dan sederhana banyak menggunakan strategi penguasaan kemahiran mendengar berbanding responden yang berkedudukan tahap penguasaan yang lemah. Dapatan ini, selaras dengan dapatan yang diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan oleh Lui (2008) terhadap pelajar-pelajar di tiga buah universiti yang terletak di Taipei.

Dari sudut kecenderungan kategori strategi yang digunakan, didapati responden yang berada pada tahap penguasaan yang sederhana dan lemah lebih gemarkan strategi kategori sosial. Manakala, bagi responden yang memiliki tahap penguasaan yang cemerlang, dilihat tidak mempunyai masalah dalam mempraktikan kesemua strategi penguasaan yang

dicadangkan samada ianya kategori sendiri atau kategori sosial. Eysenck (1979) berpendapat bahawa faktor sikap dan personaliti memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar. Kenyataan ini, diakui oleh Che Mah dan Mariani (2001). Oleh itu, dengan adanya pada diri responden sikap gemar melakukan banyak strategi penguasaan yang ada, tidak mustahil dengan hasil usaha tersebut membantu dalam kecemerlangan penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab mereka.

Di samping itu, penyebab utama yang menyebabkan responden memperolehi tahap penguasaan yang lemah dalam kemahiran mendengar bahasa Arab adalah faktor kurangnya melakukan strategi penguasaan. Situasi ini diakui juga oleh Lui (2008) kerana dapatan yang diperolehi daripada kajiannya sebelum ini menunjukkan masalah tersebut yang berlaku kepada responden yang mempunyai penguasaan yang lemah. Walau pun begitu, di antara strategi penguasaan kemahiran mendengar yang kerap dilakukan oleh responden lemah ini adalah mereka akan sentiasa bertanyakan guru atau rakan-rakan mereka berkenaan sesuatu perkataan yang didengari dan tidak difahami serta sentiasa cuba berlatih mengulangi semula perkataan Arab baru yang didengari oleh mereka.

Bagi responden yang mempunyai penguasaan sederhana pula, mereka selalu memberi perhatian ketika seseorang bertutur dalam bahasa Arab, sekiranya tidak memahami sesuatu perkataan bahasa Arab mereka akan meminta diulangi semula, mereka akan meminta bantuan daripada guru atau rakan mereka sekiranya mempunyai masalah memahami perkataan bahasa Arab, mencatat nota berkenaan perkataan yang tidak difahami, sentiasa menghubungkan perkataan baru yang didengari dengan gambaran perkataan tersebut supaya mudah untuk diingati dan kerap berlatih menyebut semula perkataan baru yang



didengari. Manakala, bagi responden yang cemerlang, didapati responden ini mempraktikkan strategi pembelajaran kemahiran mendengar seumpama dengan responden yang sederhana terkecuali untuk strategi memberi perhatian ketika seseorang bertutur dalam bahasa Arab dan menyebut semula perkataan baru yang didengari. Ini kerana, penggunaan kedua-dua strategi ini adalah pada tahap sederhana sahaja. Selain itu juga, responden cemerlang ini kerap melakukan latihan mendengar dengan menonton filem dan video bahasa Arab.

Oleh demikian, perbezaan kekerapan penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar di antara responden yang cemerlang, sederhana dan lemah sememangnya dijangka. Di samping itu, penggunaan strategi pembelajaran yang pelbagai dalam kalangan responden yang cemerlang dalam kajian ini, sebenarnya telah mengesahkan dapatan kajian-kajian terdahulu yang telah diperolehi oleh Oxford 1990, Mohamed Amin 1996 dan Zamri 2004.

## **5.2 Implikasi kajian.**

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi, terdapat tiga implikasi kajian yang dapat dikenalpasti. Implikasi-implikasi tersebut boleh dilihat sebagaimana catatan yang telah dibina di bawah ini :

- 1) Pelajar-pelajar perlu diberikan perhatian dan penekanan dalam pembelajaran khususnya pada elemen-elemen asas dalam bahasa Arab seperti bunyi huruf-huruf dan pembendaharaan kata.

- 2) Pelajar-pelajar perlu ada kesedaran diri sendiri dan kemahuan dalam meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab. Misalnya, memperbanyakkan latihan kemahiran mendengar bahasa Arab samada melalui pembelajaran dalam kelas atau luar kelas.
- 3) Guru perlu memberikan tunjuk ajar, sokongan, galakan serta respon secara langsung kepada pelajar-pelajar berkenaan kaedah penggunaan strategi penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab. Ini supaya, ianya dapat membantu dalam proses pembelajaran bahasa Arab sekaligus, memberikan keseronokkan dan keyakinan kepada pelajar-pelajar untuk mengamalkan strategi-strategi tersebut.

### **5.3 Cadangan.**

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada responden, kajian ini telah membuat beberapa cadangan yang mana mungkin boleh memberi kesan positif kepada pelajar-pelajar dalam membantu meningkatkan penguasaan serta kemahiran berbahasa mereka khususnya dalam bahasa Arab. Berikut adalah cadangan-cadangan yang telah difikirkan oleh penulis kepada pihak-pihak tertentu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam hal ini.

#### **5.3.1 Sekolah.**

Pihak sekolah perlu berusaha untuk menyediakan khidmat tenaga pengajar bahasa Arab daripada negara-negara Asia Barat dan usaha ini boleh dilakukan dengan membuat permohonan kepada jabatan pendidikan peringkat negeri atau kementerian pelajaran Malaysia. Ini bagi mencontohi sebagaimana yang dilaksanakan oleh jabatan pendidikan

peringkat negeri Pahang yang mana, pihak mereka telah menjemput sekurang-kurangnya dua orang tenaga pengajar daripada negara Asia Barat untuk mengajar pelajar-pelajar khususnya di sekolah menengah agama yang dikelolakan di bawah pentadbiran jabatan pendidikan peringkat negeri ini. Antara kelebihan yang akan diperolehi oleh para pelajar adalah membolehkan mereka berdamping serta mengaplikasikan aktiviti berkomunikasi dalam bahasa Arab secara langsung dengan penutur asli bahasa Arab dan dengan adanya aktiviti komunikasi ini sekaligus memberi latihan kepada para pelajar bagi menguji kemahiran mendengar bahasa Arab mereka. Di samping itu juga, dengan wujudnya tenaga pengajar seumpama ini, akan mendedahkan diri pelajar dengan persekitaran serta budaya Arab yang sebenar.

### **5.3.2 Guru.**

Guru-guru sebenarnya di antara pihak yang memainkan peranan yang besar dalam membantu serta memimpin para pelajar untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam kemahiran mendengar bahasa Arab. Di antara bantuan yang boleh diberikan kepada para pelajar adalah dari segi kaedah pengajaran di dalam kelas. Guru-guru seharusnya menggunakan pelbagai alat bantuan mengajar seperti tontonan video atau drama Arab, kuiz atau permainan yang boleh menguji kemahiran mendengar mereka dalam mengenalpasti perkataan-perkataan bahasa Arab, lakonan dalam bahasa Arab dan lain-lain. Selain itu, guru-guru perlu mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar-pelajar dan memberi rangsangan serta cadangan kepada mereka untuk melakukan pelbagai kaedah pembelajaran. Sekiranya terdapat pelajar - pelajar yang mempraktikkan sesuatu strategi pembelajaran berkenaan kemahiran mendengar, guru-guru perlu memberi dorongan serta respon yang sebaiknya. Ini bagi mengelakkan para pelajar tersebut daripada malu dan tidak yakin untuk melakukannya pada masa hadapan.

### **5.3.3 Pelajar.**

Pada hakikatnya, terdapat pelbagai cara serta kaedah yang boleh dilaksanakan oleh pelajar-pelajar dalam meningkatkan kemahiran mendengar bahasa Arab. Di antaranya adalah dengan menonton program-program yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Arab di ASTRO serta melayari internet berkenaan pembelajaran bahasa Arab khususnya yang boleh meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar seperti video kartun, ceramah agama, filem, drama dan berita dalam bahasa Arab. Pelajar-pelajar juga, perlu sentiasa rajin melakukan latihan untuk menguji kemampuan kemahiran mendengar bahasa Arab mereka. Samada ianya dilaksanakan dengan bantuan daripada guru-guru atau rakaman audio yang diperolehi daripada internet. Dengan cara ini, pelajar-pelajar akan dapat mengetahui apa sebenarnya kelemahan dan pembaikan yang perlu dibuat oleh mereka.

### **5.3.4 Pengkaji-pengkaji lain.**

Bagi memperkembangkan lagi kajian berkenaan kemahiran mendengar bahasa Arab, pengkaji-pengkaji lain boleh meneruskannya dengan membuat kajian untuk melihat penggunaan strategi-strategi penguasaan mendengar bahasa Arab oleh pelajar-pelajar cemerlang di dalam kelas dan di luar kelas. Kajian seumpama ini dapat memberi inspirasi kepada pelajar kurang cemerlang untuk turut sama-sama memparaktiskan strategi-strategi tersebut. Selain itu, kajian lain yang dapat dilakukan adalah penggunaan kepelbagaian jenis alat bantuan mengajar yang dapat membantu pelajar dalam penguasaan kemahiran mendengar. Di samping itu, pengkaji-pengkaji lain juga boleh mengkaji penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dengan membuat pengujian melalui kaedah imla'. Ini bukan sahaja dapat menguji kemahiran mendengar pelajar-pelajar tetapi dalam masa yang sama, memperlihatkan kemampuan mereka dalam kemahiran menulis bahasa Arab.

#### **5.4 Penutup.**

